

No. Kelas:

No Perolehan:

Tarikh: 5-2-91

Kriminogenesis : Sokongan Sosial dan Simbolik
Terhadap Perbuatan Devian Terpilih.

Manimala Subramanian

No. Matrik : 55505

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-Syarat Untuk

Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1990/91

PENGHARGAAN

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada anda semua yang telah membantu sama ada secara langsung atau tidak dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

- Prof. Madya Abdul Hadi Zakaria , penyelia latihan ilmiah saya yang telah membantu serta memberi tunjukajar yang tidak ternilai harganya.
- 'Banther' (V.J.) atas kesudian beliau membantu dan mengajar saya cara-cara menggunakan komputer.
- Ranjit, Priya, Ravinther, Jaya, Rakan-rakan seperjuangan dan sahabat handai atas persahabatan dan sokongan anda pada setiap masa.
- Abang ipar dan kakak saya kerana membenarkan saya menggunakan komputer mereka serta Davina kerana sudi membaca bila saya menaip.
- Dan tidak melupakan juga keluarga yang tersayang di atas segala kasih sayang mereka.

Salam manis,
Manimala Subramanian
Nov. 1990

ACKNOWLEDGEMENT

I would like to extend my gratitude to all of you not because I have to but because I really am.

- Prof. Madya En. Abdul Hadi Zakaria, THANK YOU for helping me complete my thesis and for being a constant reminder to me when not doing my work. It has been great working with you , sir.
- 'Banther'(V.J.) for your concern and help especially with the P.C. Thank you and I shall never forget it.
- Ranjit, Priya, Ravinther, Jaya , My coursemates & all my wonderful friends whom I would like to thank for your support and friendship especially in learning to mention the big 'T' for my sake.
- My Brother-in-law and sister : Thanks for the computer. My nieces especially Davina for reading while I type.
- Last but not least, to my family for their understanding and love.

With regards,

Manimala Subramanian
Nov. 1990

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini cuba memastikan sama ada wujud atau tidak sokongan masyarakat terhadap jenayah/perbuatan devian. Ia mengambil kira teori kawalan dan mengutamakan teori kawalan Steven Box.

Bagi Box sesuatu kejadian perbuatan devian itu akan berlaku sekiranya terdapat 5 isu-isu seperti yang diberikannya iaitu rahsia, bekalan, kemahiran, sokongan sosial dan sokongan simbolik. Sokongan sosial dan sokongan simbolik ini juga masing-masing menyamai 'facilitating hardware' dan 'facilitating others' yang dikemukakan oleh J. Lofland.

Bab satu adalah bab pengenalan kepada kajian ini dan membincangkan tentang metode, tujuan, sampel dan masalah kajian.

Bab dua menyentuh tentang rangka kerja teoritikal dan operasional mengenai teori kawalan dalam kajian ini.

Bab tiga adalah analisa mengenai sokongan terhadap jenayah oleh jantina.

Bab empat adalah analisa mengenai sokongan terhadap jenayah mengikut umur.

Bab lima pula adalah analisa mengenai sokongan terhadap jenayah oleh ras.

Bab enam adalah kesimpulan bagi kajian ini.

SENARAI ISI KANDUNGAN

hal.

Dedikasi.....	i
Penghargaan.....	ii
Acknowledgement.....	iii
Sinopsis.....	iv -v
Senarai isi kandungan.....	vi-viii
Senarai jadual.....	ix-xi
Bab 1 - Pengenalan	
1.1 Latarbelakang.....	1
1.2 Skop kajian.....	2
1.2.1 Jantina dan sokongan.....	3
1.2.2 Umur dan sokongan.....	3
1.2.3 Ras dan sokongan.....	3
1.3 Lokasi.....	4
1.4 Tujuan kajian.....	5
1.5 Kepentingan kajian.....	6
1.6 Metode kajian.....	7
1.6.1 Pengumpulan data.....	8
1.6.2 Temubual informal.....	9
1.6.3 Soalselidik/ questionnaire.....	10
1.6.4 Penyelidikan perpustakaan.....	12
1.6.5 Responden (sampel).....	12
1.7 Kesulitan dalam penyelidikan.....	13
1.7.1 Masalah peribadi.....	14
1.7.2 Masalah umum.....	15

hal.

Bab 2 - Teori-teori	
2.1 Pengenalan.....	17
2.2 Kenyataan Teoritikal (Teori Spesifik)....	18
2.2.1 Teori Kawalan.....	18
2.3 Operasionalisasi.....	25
Bab 3 - Jantina dan Sokongan	
3.1 Pengenalan.....	37
3.2 Tindakan jantina terhadap jenayah.....	37
3.2.1 Alasan tidak melapor.....	44
3.3 Reaksi jantina terhadap barang-barang curi.....	46
3.4 Tindakan jantina terhadap tempat perbuatan jenayah.....	48
3.5 Reaksi jantina terhadap jenayah.....	51
3.6 Tindakan jantina terhadap anak dan kawan biasa.....	53
3.6.1 Anak guna dadah.....	53
3.6.2 Kawan guna dadah.....	54
3.7 Kesimpulan.....	55
Bab 4 - Umur dan Sokongan	
4.1 Pengenalan.....	58
4.2 Tindakan umur terhadap jenayah.....	59
4.2.1 Alasan tidak melapor.....	64
4.3 Reaksi umur terhadap barang-barang curi.	66

	hal.
4.4 Tindakan responden terhadap tempat perbuatan jenayah.....	67
4.5 Reaksi responden terhadap jenayah.....	69
4.6 Tindakan terhadap anak dan kawan biasa..	72
4.6.1 Anak guna dadah.....	72
4.6.2 Kawan guna dadah.....	73
4.7 Kesimpulan.....	74
 Bab 5 - Ras dan Sokongan	
5.1 Pengenalan.....	76
5.2 Tindakan ras terhadap jenayah.....	76
5.2.1 Alasan tidak melapor.....	84
5.3 Reaksi responden terhadap barang-barang curi.....	87
5.4 Tindakan responden terhadap tempat perbuatan jenayah.....	91
5.5 Reaksi responden terhadap jenayah.....	94
5.6 Tindakan responden terhadap anak dan kawan biasa.....	97
5.6.1 Anak guna dadah.....	97
5.6.2 Kawan guna dadah.....	99
5.7 Kesimpulan.....	100
 Bab 6 - Kesimpulan.....	101
 Bibliografi.....	xii-xiv
Lampiran I - Sampel Soal Selidik	

SENARAI JADUAL

Rajah 1	Jenis kes bunuh diri	hal. 20
Jadual 3.1	Hubungan antara jantina dan tindakan 6 jenis jenayah	38
Jadual 3.2	Hubungan antara jantina dan tindakan mangsa perbuatan curi	40
Jadual 3.3	Hubungan antara jantina dan tindakan mangsa kesalahan jantina	41
Jadual 3.4	Hubungan antara jantina dan saksi per- buatan curi	42
Jadual 3.5	Hubungan antara jantina dan saksi ke- salahan jantina	43
Jadual 3.6	Hubungan jantina dengan alasan tidak melapor	44
Jadual 3.7	Hubungan antara jantina dan reaksi terhadap barang-barang curi	46
Jadual 3.8	Hubungan antara jantina dan reaksi terhadap 7 jenis barang yang disyaki dicuri	47
Jadual 3.9	Hubungan antara jantina , jenayah dan tindakan (dalam bilangan)	48
Jadual 3.10	Hubungan antara jantina, jenayah dan reaksi (dalam bilangan)	51
Jadual 3.11	Hubungan antara jantina dan tindakan terhadap anak menggunakan dadah	53

- Jadual 3.12 Hubungan antara jantina dan tindakan terhadap kawan menggunakan dadah	54
Jadual 4.1 Hubungan umur dan mangsa perbuatan curi	59
Jadual 4.2 Hubungan umur dan saksi perbuatan curi	60
Jadual 4.3 Tindakan mangsa kesalahan jantina	61
Jadual 4.4 Tindakan saksi kesalahan jantina	62
Jadual 4.5 Alasan bagi tidak melapor	64
Jadual 4.6 Reaksi responden terhadap barang-barang curi	66
Jadual 4.7 Hubungan umur dan reaksi terhadap 7 jenis barang curi	66
Jadual 4.8 Hubungan antara umur dan tindakan terhadap sarang penagih dadah	67
Jadual 4.9 Hubungan antara umur dan pusat social escort	68
Jadual 4.10 Hubungan antara reaksi dan penagihan dadah	69
Jadual 4.11 Hubungan antara reaksi dan social escort	70
Jadual 4.12 Hubungan antara umur dan tindakan terhadap anak menggunakan dadah	72
Jadual 4.13 Hubungan antara umur dan tindakan terhadap kawan menggunakan dadah	73

	hal.
Jadual 5.1 Hubungan antara ras dan tindakan mangsa 6 jenis jenayah	77
Jadual 5.2 Hubungan antara ras dan tindakan mangsa perbuatan curi	79
Jadual 5.3 Hubungan antara ras dan tindakan mangsa kesalahan jantina	80
Jadual 5.4 Hubungan antara ras dan tindakan saksi perbuatan curi	82
Jadual 5.5 Hubungan antara ras dan tindakan saksi kesalahan jantina	83
Jadual 5.6 Hubungan antara ras dan alasan tidak melapor	85
Jadual 5.7 Hubungan antara ras dan reaksi terhadap membeli barang-barang curi	88
Jadual 5.8 Hubungan ras dan reaksi terhadap 7 jenis barang yang disyaki curi	89
Jadual 5.9 Hubungan antara ras, jenayah dan tindakan (dalam bilangan)	91
Jadual 5.10 Hubungan antara ras, jenayah dan reaksi (dalam bilangan)	94
Jadual 5.11 Hubungan antara ras dan tindakan terhadap anak menggunakan dadah	97
Jadual 5.12 Hubungan antara ras dan tindakan terhadap kawan menggunakan dadah	99

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATARBELAKANG

Di negara seperti Malaysia yang mempunyai berbagai golongan etnik dan ras maka tidak hairanlah sekiranya berlaku berbagai kegiatan jenayah atau devians. Jenayah disini boleh melibatkan barang (vandalism) dan juga manusia.

Jenayah atau perlakuan devian biasanya dianggap sebagai perbuatan yang melanggar norma masyarakat atau undang-undang. Antara jenayah yang sering berlaku adalah rompakan, pengguna ditipu oleh penjual, pergaduhan, rogol, kemalangan yang melibatkan pemandu yang mabuk dan sebagainya. Sebenarnya, sangat sukar untuk mengukur darjah kesalahan atau devians yang dilakukan oleh seseorang.

Setiap, ahli sosiologi mempunyai pendapat yang berlainan tentang perbuatan devian seperti di bawah. Bagi Steven Box (1971) penjelasannya

ringkas sahaja iaitu :-

" nothing more or less than it has always been: rule breaking."

Lemert pula berpendapat :-

"deviance is defined as violations of norms, or departures from social expectancies, but beyond this minimal agreement the ideas projected for its analysis differ considerably". (1972 :13)

Malah ada banyak lagi pendapat ahli-ahli sosiologi mengenai devians.

1.2 SKOP KAJIAN

Persoalan yang hendak dikaji oleh pengkaji adalah sama ada wujud sokongan terhadap jenayah/ perbuatan devian atau tidak dari mana-mana responden. Untuk ini pengkaji telah membahagikan kajian beliau kepada 3 unsur utama iaitu :-

- a) Jantina dan sokongan
- b) Umur dan sokongan
- c) Ras dan sokongan

1.2.1 Jantina dan sokongan

Di antara jantina lelaki dan perempuan yang manakah yang paling 'permissive' atau menyokong jenayah/ perbuatan devian dan mengapa begitu.

1.2.2 Umur dan sokongan

Tiga kumpulan umur telah dikenalpasti iaitu :-

- a) 16 - 30 tahun
- b) 31 - 45 tahun
- c) 46 - 55 tahun

Antara 3 kumpulan umur ini yang manakah dianggap paling ramai memberi sokongan atau 'permissive' dan mengapa begitu.

1.2.3 Ras dan sokongan

Di antara ras Cina, Melayu dan India yang manakah paling 'permissive' dan mengapa begitu.

Pengkaji berharap dari kajian ini beliau akan mengetahui sama ada wujud sokongan atau tidak dan jika wujud sokongan dari mana satu variabel di atas.

1.3 LOKASI

Kawasan kajian yang telah dipilih adalah bandar Kampar di negeri Perak. Bandar ini dipilih oleh pengkaji bukan kerana apa-apa sebab tertentu tetapi kerana ia adalah bandar tempat tinggal pengkaji. Dengan itu, pengkaji juga dapat menjimatkan kos perbelanjaan untuk kajian ini serta juga menyingkatkan masa perjalanan semasa kajian luar dijalankan. Bandar Kampar terletak di daerah Kinta dan mempunyai populasi hampir 30,000 orang. Majoriti penduduknya mengikut etnik adalah orang-orang Cina iaitu lebih kurang 50 %, diikuti oleh orang Melayu sebanyak 40 % dan India serta lain-lain 10 %.

Antara kemudahan yang terdapat di

bandar ini adalah sebuah balai polis, sebuah balai bomba, sebuah hospital daerah, dua buah masjid, sebuah tokong Cina, 2 buah gereja, 4 buah kuil Hindu, sebuah mahkamah majistret, 10 buah sekolah (rendah dan menengah), sebuah supermarket, 2 buah panggung wayang dan pejabat-pejabat kerajaan.

1.4 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah satu kajian berbentuk 'exploratory' yang bertujuan untuk :

- a) Mengetahui dan mengenalpasti nilai-nilai, norma-norma dan amalan-amalan sosial yang boleh atau pernah digunakan bagi menyokong atau mempertahankan sesuatu atau beberapa perbuatan devian.
- b) Mengetahui dan mengukur kekuatan nilai-nilai, norma-norma dan amalan-amalan tersebut dalam masyarakat yang berkenaan.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi praktik. Dari segi akademik kajian ini akan memberi sumbangan yang signifikan kepada kefahaman kita berkenaan dengan etiologi perlakuan devian, terutama sekali perbuatan jenayah. Selama ini, penjelasan perbuatan jenayah yang lazim adalah bahawa ia disebabkan oleh tekanan-tekanan yang terdapat dalam masyarakat (Merton, 1957; Cloward & Ohlin, 1980; Miller, 1958; Cohen, 1955; Wells, 1989) dan oleh reaksi masyarakat terhadap kesalahan-kesalahan awal dan kecil yang dilakukan oleh seseorang individu. (Lemert, 1951, 1967; Simmon, 1969; Becker 1963)

1.6 AKTODE KAJIAN

Dengan menyarankan bahawa perbuatan devian dan jenayah dilakukan kerana masyarakat menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu (tools/hardware) teori kawalan memegang masyarakat sebagai bertanggungjawab bagi pertumbuhan perlakuan devian dan jenayah di kalangan ahlinya-ahlinya. Ini adalah satu pembaharuan dalam kajian mengenai etiologi

devian dan jenayah. Dari segi praktik pula, kepentingan kajian ini terletak pada potensinya dalam usaha-usaha pencegahan jenayah. Sekiranya didapati benar bahawa perbuatan devian dan jenayah berlaku kerana ada sokongan dari masyarakat, maka usaha-usaha pencegahan hendaklah bermula dengan memansuhkan sokongan itu. Dan sekiranya sokongan itu lahir dari nilai-nilai atau amalan-amalan sosial tertentu, maka nilai-nilai dan amalan-amalan ini perlu dikaji semula. Pendekatan pencegahan yang baru seperti ini merupakan satu sumbangsan yang amat penting.

1.6 METODE KAJIAN

Metode kajian penting dalam kajian ini kerana ia digunakan sebagai alat untuk mengumpul data. Pengkaji terpaksa memilih kaedah atau metode yang paling sesuai bagi kajiannya iaitu 'survey' atau kajian luar.

Penyelidikan ini memerlukan kajian luar kerana ia merupakan kajian secara langsung terhadap masalah yang di kaji. Selain daripada itu, pengkaji juga tahu akan siapa yang perlu dijadikan responden serta kawasan mana yang perlu dikaji. Oleh kerana pengkaji harus mendapatkan 100 orang responden maka beliau perlu menjalankan kajian luar ini untuk mendapatkan sebanyak mana responden dari pelbagai jenis pekerjaan dan latar belakang.

Oleh kerana etnik Cina lebih ramai dari lain-lain ras atau etnik maka pengkaji membuat keputusan mengimbangkan keadaan ini dengan memilih responden Cina seramai 43 orang, responden Melayu seramai 32 orang dan responden India seramai 25 orang.

Masa yang diambil oleh pengkaji untuk menjalankan kajiannya adalah lebih kurang setengah bulan. Ia merupakan pengalaman yang baik dan banyak membantu pengkaji mengumpulkan data-data yang diperlukan.

1.6.1 Pengumpulan data

Data dikumpulkan melalui tiga kaedah iaitu:-

- a) temubual
- b) soalselidik /questionnaire
- c) penyelidikan perpustakaan.

1.6.2 Temubual informal

Pengkaji menemubual responden untuk mendapatkan jawapan-jawapan kepada soalannya secara informal. Temubual diadakan sama ada di rumah atau pejabat (tempat kerja) responden. Temubual secara informal ini penting kerana adakalanya soalan yang ditujukan itu berunsur sensitif kepada responden dan mereka akan berasa malu untuk menjawab. Melalui temubual juga pengkaji dapat melihat reaksi responden semasa menjawab soalan. Banyak perkara yang telah diketahui oleh pengkaji melalui kaedah ini. Selain daripada itu, pengkaji juga dapat mengesan sama ada responden menipu dengan melihat mimik muka mereka.

Temubual ini juga dijalankan dengan menggunakan questionaire yang juga bermaksud untuk mengumpulkan data.

1.6.3 Soalselidik/ questionaire

Borang soalselidik atau questionaire merupakan paling penting dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Ini adalah kerana responden seramai 100 orang itu mengambil masa yang agak lama untuk ditemui dan berbual serta banyak soalan dalam questionaire memerlukan jawapan yang 'discreet'. Jadi, amatlah sesuai questionaire digunakan dalam kajian ini. Oleh kerana responden dicari secara 'accidental' maka mereka datang dari berbagai latarbelakang dan kesemua mereka diajukan soalan yang sama.

Pengkaji menggunakan 2 jenis soalan iaitu 'open-ended' dan 'close- ended'. Dalam 'open-ended' jawapan tidak ditentukan dan responden diberikan peluang memberi jawapannya sendiri. 'Close-ended' pula adalah soalan yang berjawapan

dan responden hanya perlu memilih yang relevan sahaja seperti ya / tidak.

Soalselidik yang dibuat oleh pengkaji adalah berdasarkan 2 aspek iaitu :-

- a) Tindakan terhadap jenayah.
- b) Reaksi terhadap jenayah.

Dari segi tindakan, soalan questionnaire dibuat untuk mempamirkan sejauh manakah tindakan responden dalam hal-hal berikut :-

- a) Pernahkah responden menjadi mangsa mana-mana perbuatan jenayah dan melaporkannya atau tidak.
- b) Pernahkah mereka menjadi saksi mana-mana perbuatan jenayah dan melaporkannya atau tidak.
- c) Pernahkah mereka melapor atau tidak tempat perbuatan jenayah.
- d) Apakah tindakan mereka terhadap anak atau kawan biasa mengambil dadah.

Dari segi reaksi didapati pula

pengkaji ingin mengetahui perasaan responden terhadap :-

- a) barang-barang curi.
- b) beberapa jenis jenayah.

1.6.4 Penyelidikan perpustakaan

Kajian dalam perpustakaan penting kerana kajian ini merupakan satu kajian untuk menguji perkaitan teori kawalan Box dan keadaan realiti dalam masyarakat. Pengkaji ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai teori dan konsep kajian beliau melalui 'library research'. Sumber rujukan didapati dari perpustakaan utama Universiti Malaya dan perpustakaan Institut Pengajian Tinggi (IPT).

Pengkaji juga mendapati kajian seperti ini memerlukan buku yang banyak sebagai bahan rujukan dan perbandingan.

1.6.5 Responden (sampel)

Sampel bagi kajian ini adalah dipilih

secara 'accidental' (Black & Champion, 1976 : 304). Sampel 'accidental' ini adalah sama dengan sampel kuota melainkan sampel kuota memilih responden yang tertentu sahaja manakala sampel 'accidental' memilih responden yang mudah didapati dan juga ekonomikal. Contoh sampel 'accidental' adalah wartawan yang menemuramah orang ramai ditepi jalan. Kelebihan sampel ini adalah mudah dan ekonomikal. Kekurangannya adalah sukar untuk digeneralisasikan dan kadangkala ia bias.

100 orang responden dipilih yang terdiri dari lelaki (67 orang) dan perempuan (33 orang) dari ras Cina, Melayu dan India. Mereka juga terdiri dari berbagai latarbelakang dan pekerjaan seperti guru, jururawat, polis, ahli bomba, peniaga, pegawai bank, kerani dan sebagainya.

1.7 KESULITAN ATAU MASALAH DALAM PENYELIDIKAN.

Semasa menjalankan kajian banyak kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji. Masalah-masalah ini terdiri dari masalah peribadi dan masalah umum.

1.7.1 Masalah Peribadi

- a) Paling sukar adalah mendapatkan 100 orang responden dari berbagai latarbelakang dan pekerjaan. Ini diatasi dengan pertolongan keluarga dan rakan-rakan yang memperkenalkan responden.
- b) Responden juga bertanya banyak soalan mengenai kajian ini kerana ia melibatkan soalan tentang jenayah dan ini meragukan mereka. Pengkaji mengesyorkan responden bahawa kajian ini hanya bagi memenuhi syarat mendapatkan ijazah.
- c) Responden kadangkala tidak berada ditempat yang dijanjikan dan ini menyebabkan pengkaji terpaksa tunggu lama dan kadang-kadang tidak bertemu langsung dengan responden. Oleh itu pengkaji terpaksa pergi berjumpa dengan responden beberapa kali.
- d) Oleh kerana ramai responden yang bekerja di sebelah siang, maka pengkaji hanya boleh menemui mereka di waktu malam dan ini sedikit sebanyak menyukarkan pengkaji. Masa yang paling baik menemubual responden adalah di antara 7.30 p.m. dan 10.00 p.m. semasa mereka sedang berehat dengan keluarga masing-masing.

1.7.2 Masalah umum

- a) Ada responden yang tidak serius dan memberikan jawapan yang olok-olok sahaja. Ada pula yang terlalu serius dan takut untuk memberi kerjasama langsung kepada pengkaji. Pengkaji tidak mempunyai pilihan kecuali mengenepikan responden seperti ini dan mencari responden yang lebih 'reliable'.
- b) Ada responden yang tidak habis menjawab soalan dan pengkaji terpaksa menemui mereka semula untuk mengisikan questionnaire tersebut. Untuk ini pengkaji terpaksa mengambil lebih masa untuk menyemak questionnaire.
- c) Soalan yang ditujukan kepada responden dianggap senang oleh mereka tetapi ramai yang keliru dan memberi jawapan yang tidak relevan. Pengkaji terpaksa menerangkan kepada mereka apa yang dikehendaki oleh soalan supaya mereka lebih jelas.

RUJUKAN BAB 1

1. Bailey, Kenneth D. : (1978) Methods of Social Research, Free Press : New York.
2. Black, J & Champion, D : Methods and Issues In Social Research, Wiley : New York.
3. Lemert, Edwin M.: (1972) Human deviance, Social Problems and Social Control, 2nd. (ed). Englewood, New Jersey : Prentice Hall.

Kewajiban sosial dalam masyarakat tidak selalu siang-siang begitu saja. Seringkali terjadi ini yang terjadi :-

"nonconformity such as crime and delinquency is to be expected when social controls are less than completely effective". (Tilly, Cullen & Bell, 1978)

Tapi... Kewajiban bukan = sepaduan
merupakan devian atau mengacaukan keseluruhan tetapi juga
merupakan sifat bahwa dengan perbuatan devian
seseorang berlaku sebaliknya orang yang tidak ada sepaduan
seharusnya tidak.

Pengabdian akan membawa bangsa pada kesejahteraan dan
kearif-anakia kewajiban seperti halte Darulmuhibah, Universiti
Malaya, Albert J. Reiss, F. Ivan Myrdal,
David Riesman dan Trevor Hirschfeld

Bilik Sunber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

2.2 KONSEP TEORI BAB 2 (TEORI SPESIFIK)

TEORI-TEORI

2.1 PENGENALAN

Kajian ini menumpukan sepenuhnya kepada Teori Kawalan (Control Theory) dan implikasinya terhadap jenayah atau perbuatan devian. Fokus teori kawalan adalah bahawa keakuran tidak boleh dianggap begitu sahaja kerana teori ini mengatakan :-

"nonconformity such as crime and delinquency is to be expected when social controls are less than completely effective". (Lilly, Cullen & Ball 1989:83)

Teori Kawalan bukan sepenuhnya mengenai devian atau mengenai keakuran tetapi hanya merupakan pendapat bahawa jenayah dan perbuatan devian akan berlaku sekiranya orang ramai tidak akur kepada kehendak sosial.

Pengkaji akan membincangkan penulisan teoris-teoris kawalan seperti Emile Durkheim, Walter C. Reckless, Albert J. Reiss, F. Ivan Nye, Gresham Sykes, David Matza dan Travis Hirschi.

2.2 KENYATAAN TEORITIKAL (TEORI SPESIFIK)

2.2.1 Teori Kawalan (Control Theory)

Teori kawalan dikatakan sebagai teori yang paling sesuai dengan proses pembelajaran sosial. Idea utama dalam teori kawalan adalah bila keakuran (conformity) wujud jika adanya kawalan sosial, maka perbuatan devian pula akan berlaku sekiranya kawalan adalah lemah. Kawalan sosial yang efektif adalah dengan mengenakan hukuman atau sekatan sosial. Persetujuan atau 'conformity' mengambil masa iaitu melalui proses sosialisasi dan akan menjadi kawalan terhadap diri sendiri.

Teori kawalan tidak berfungsi bila kawalan konvensional terhadap sesuatu masyarakat itu gagal. Walau pun begitu, teori kawalan boleh terus digunakan sekiranya individu itu telah gagal untuk 'conform' dan terdapat banyak dorongan terhadap perbuatan devian.

Teori kawalan sedikit sebanyak

menerima pengaruh dari ahli sosiologi Perancis iaitu Emile Durkheim dan pengaruh ini adalah dalam bentuk teori Anomie. Bagi Durkheim Anomie adalah :-

"Not simply 'normlessness', but as the more or less complete collapse of social solidarity itself the destruction of the fundamental bonds uniting individual in a collective social order so that each person is forced to go it alone".(Lilly, Cullen & Ball 1989:84)

Bagi Durkheim konsep anomienya itu adalah berkaitan dengan teori evolusi. Durkheim mementingkan pertalian antara kualiti dalaman dan kedudukan sosial. Anomie menurut beliau adalah merupakan penyakit orang-orang di dunia moden iaitu semua orang menerima kenyataan bahawa manusia tidak boleh dipuaskan, sentiasa mahukan kejayaan dalam mencapai matlamat.

Dalam kajian Durkheim mengenai bunuh diri(suicide), beliau membahaskan dua aspek iaitu integrasi sosial dan regulasi sosial. Kedua-dua aspek ini bergantung antara satu sama lain dan berkaitan dalam berbagai kes bunuh diri.

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

Rajah 1: Jenis kes bunuh diri yang dipetik dari "Understanding Deviance", David Downes dan Paul Rock (1982)page 97.

	INTERGRATION	REGULATION
Too strong	Altruistic	Fatalistic
Too weak	Egoistic	Anomic

Dari rajah 1 didapati bahawa, aspek-aspek integrasi dan regulasi ini berhubung dengan masyarakat pre-industri di mana jenis bunuh diri adalah kerana perasaan subordinasi individu kepada kelompoknya. Bunuh diri sebenarnya berubah mengikut darjah integrasi dalam masyarakat.

Teori kawalan paling sesuai digunakan untuk menerangkan delinkuensi di kalangan juvana. Kurangnya hubungan pertalian antara remaja dan konvensionaliti seperti keluarga dan sekolah menyebabkan remaja tersebut kurang akur terhadap norma-norma masyarakat. F. Ivan Nye yang melakukan kajian terhadap orang dewasa menyatakan keluarga sebagai agen terpenting kawalan sosial. Empat mod yang dikemukakan oleh Nye adalah 'direct control, internalized control, indirect control dan control through alternative means

of need satisfaction.' Keempat-empat mod ini walau pun berbeza tetapi memberi rangsangan yang sama dan menyerupai konsep intergrasi dan regulasi Durkheim.

Sekatan terhadap kelompok dalam kawalan sosial boleh dilihat dengan jelas terhadap minuman arak dan kelakuan seks seperti ditangkap dan dihukum oleh pihak polis. Seperti juga lain-lain teori, teori kawalan juga mengambil kira tentang sama ada pembelajaran sosial melebihkan atau mengurangkan perbuatan devian.

Beberapa teori telah dikemukakan oleh pengkaji mengenai punca dan sebab perbuatan devian atau jenayah. Pengkaji akan melihat teori kawalan dari perspektif Steven Box(1971).

Hobbes pernah bertanya, 'mengapa manusia menurut peraturan-peraturan yang ada dalam masyarakat?' Beliau menjawabnya sendiri dengan mengatakan bahawa manusia mempunyai perasaan takut dan perasaan inilah yang menghindar manusia dari melakukan kesalahan kecuali sekiranya kesalahan itu membawa keuntungan.

Shaw dan McKay mengatakan tentang pentingnya peranan kelompok, rakan dan jiran dalam mengurangkan perbuatan delinkuen. Integrasi dalam kumpulan-kumpulan ini akan menjauhkan disorganisasi dalam masyarakat serta jenayah.

Dalam membincangkan aspek kawalan ini, Sykes dan Matza (1982) mengatakan:-

"Deviants differed chiefly in their invocation of 'techniques of neutralisation' which freed them from guilt and shame, and which temporarily neutralised the social bond to enable them to engage in delinquent activities." (Downes & Rock 1982:186)

Menurut Sykes dan Matza, sebahagian daripada proses di mana individu mempelajari norma sosial yang konvensional juga digunakan untuk mempelajari 'techniques of neutralisation'. Dengan menggunakan teknik neutralisasi inilah individu melanggar peraturan-peraturan yang pernah mereka patuhi. Sementara Matza merasakan perlu dibaiki keadaan yang tidak terkawal dalam masyarakat, Travis Hirschi pula mengatakan keadaan ini membolehkan individu bebas untuk melakukan jenayah.

Richard A. Ball pula mendebatkan bahawa konsep teknik neutralisasi sahaja tidak mencukupi untuk dijadikan teori dan ia perlu diintegrasikan dengan Teori Containment Reckless yang mempunyai contoh lebih umum. Matza sendiri pernah mengatakan delinkuens sama dengan penjenayah lain kecuali delinkuens berlaku kerana wujudnya hanyutan (drift) yang dimudahkan oleh 'Subterranean Convergence'. Matza (1964) mengatakan:-

"Those who have been granted the potentiality for freedom through the loosening of social controls but who lack the position, capacity or inclination to become agents on their own behalf, I call drifters, and it is in this category that I place the juvenile delinquent." (Lilly, Cullen & Ball 1989 : 100)

Jackson Toby telah memberikan satu pendapat tentang teori kawalan iaitu:-

"...by asserting that delinquents were chiefly to be distinguished from non-delinquents by their minimal 'stake in conformity'; in this approach, the common impetus to deviate interacts with varying commitments to conformity stemming from family as well as school and work experiences and opportunities". (Downes & Rock 1982:187)

Hirschi mengatakan pendapat umum di kalangan ahli-ahli sosiologi adalah bahawa perbuatan devian berlaku apabila individu mempunyai pertalian yang lemah dengan masyarakat. Menurut Hirschi ada 4 elemen dalam pertalian sosial iaitu 'attachment',

'commitment', 'involvement' dan 'belief'. Keempat-empat variabel ini akan berpadu untuk membentuk individu yang tidak akan menyeleweng. Steven Box pula lebih berani dalam membahaskan tentang teori kawalan tetapi pada masa yang sama mengekalkan unsur-unsur yang asalnya. Antaranya adalah:

- a) Menjajarkan atau menyamakan teori kawalan dengan teori labeling. Box merasakan proses labeling bergabung dengan variabel kawalan untuk menjadikan keadaan lebih teruk bagi mereka yang digelar sebagai devian. Ini adalah kerana kesan labeling/stigma akan menyukarkan hidup mereka seperti tidak dapat kerja, kehilangan kawan, disangsikan dan sebagainya. Keadaan seperti ini sahaja sudah mencukupi untuk mendorong mereka menjadi devian.
- b) Beliau memperkenalkan teori delinkuensi yang sesuai dengan teori kawalan tetapi sensitif terhadap isu motivasi. Motivasi sangat diutamakan oleh Box. Sama ada seseorang individu memutuskan untuk menyeleweng bergantung kepada 5 isu iaitu rahsia, kemahiran, bekalan, sokongan sosial dan sokongan simbolik.

2.3 OPERASIONALISASI

Steven Box (1971) pernah mengatakan bahawa seseorang individu yang mempunyai kesempatan untuk melakukan devians akan tetap mengawal dirinya dari melakukan perbuatan devian tersebut. Menurut Box lagi sama ada seseorang individu yang berkesempatan untuk melakukan perbuatan devian itu memilih untuk melakukannya atau tidak bergantung kepada isu-isu seperti yang telah dijelaskan tadi. Dalam kajian ini pengkaji akan lebih menekankan kepada isu-isu sokongan simbolik dan sosial kerana data-data yang dikumpulkan adalah mengenai perkara tersebut.

Bagi Box, memang tidak ada satu teori khusus motivasi terhadap perbuatan-perbuatan devian. Ini adalah kerana individu secara semulajadinya mempunyai keupayaan untuk melakukan apa saja yang mereka kehendaki dan kemudianya melakukan perbuatan tersebut. Keadaan yang berlaku adalah selain daripada setengah-setengah individu yang melakukan perbuatan atau membentuk ikatan sosial iaitu tidak menyeleweng, yang lainnya bebas untuk melakukan perbuatan devian tersebut. Jadi, memanglah kurang waras jika dikatakan

bahawa seseorang yang mempunyai kesanggupan itu akan terus melakukan perbuatan devian.

Jika diperhatikan data dalam bab 3 Steven Box (1971), kita akan mendapati bahawa sebilangan besar daripada remaja dan orang dewasa sekali-sekala melanggar undang-undang. Daripada ini kita boleh membuat 2 kesimpulan iaitu :-

- 1) Pandangan di atas bertentangan dengan pendapat bahawa proses sosialisasi telah pun berlaku kecuali ke atas beberapa orang yang bermasalah patologi.
- 2) Kebanyakan individu yang hanyut daripada peraturan sosial hanya melakukan devian sekali-sekala menunjukkan bahawa individu-individu ini mungkin mempunyai faktor-faktor sosial lain yang menghindar mereka daripada melanggar undang-undang. Jika kesanggupan hendak ditukar menjadi perbuatan devian maka perlulah gabungan keadaan-keadaan khusus supaya individu yang ingin atau sanggup melakukannya akan meneruskannya tanpa sebarang halangan.

Keadaan-keadaan khusus atau isu-isu yang dikemukakan oleh Box adalah rahsia, kemahiran, bekalan, sokongan sosial dan simbolik. Pengkaji akan membincangkan satu per satu isu di atas.

Rahsia adalah darjah di mana seseorang individu mempersepsikan sesuatu devian itu sebagai boleh disembunyikan dan oleh itu pengesahannya boleh dielakkan (Box 1971 :213). Bagi Hobbes, seseorang individu itu akan melarang dirinya dari melakukan perbuatan devian sekiranya beliau mempunyai perasaan takut tetapi sekiranya beliau merasakan ia akan beruntung dari perbuatan tersebut maka ia akan meneruskan penyelewengan tersebut.

Seseorang individu yang khuatir bahawa perbuatan-perbuatannya dapat dibuktikan tidak akan menyeleweng. Individu-individu ini sebenarnya tidak rela menghadapi tekanan dari masyarakat. Walau pun begitu, seorang individu yang menganggap dirinya tidak akan ditangkap maka lebih tinggi kemungkinan ia akan menyeleweng.

Kemahiran pula merujuk kepada kebolehan melakukan sesuatu perbuatan itu. Kadangkala perlu juga diambil kira bahawa bukan semua keperluan itu memerlukan kemahiran.

Bekalan merujuk kepada perlunya peralatan dan bekalan untuk melakukan perbuatan devian.

Bekalan ini juga digelar sebagai sasaran. Isu ini juga dibincangkan oleh Lofland (1969) tetapi diberi istilah lain iaitu 'Facilitating hardware' yang akan kita bincangkan kemudian.

Sokongan sosial merujuk kepada individu yang menyeleweng akibat dari pergaulan dengan sesuatu kelompok atau 'peer-group'. Kebanyakan remaja dan individu yang menyeleweng berbuat demikian sekiranya mereka mendapat sokongan kelompok dari segi keghairahan, kelegaan, dan keselamatan kerana rakan-rakan lain juga menyeleweng.

Perbuatan devian yang didorong oleh sokongan kelompok sosial juga mengelakkan keangkuhan moral serta keadaan menunjuk-nunjuk seseorang individu. Ahli-ahli teori sub-budaya pernah menjelaskan pentingnya delinkuensi di kalangan kelompok. Sungguhpun begitu ramai pengkaji-pengkaji seperti Erickson (1971); Erickson & Jensen (1977); Hindelang (1971, 1976); Klein (1969) melaporkan walaupun data rasmi menunjukkan delinkuensi lebih besar di kalangan kelompok tetapi sebenarnya sebilangan besar perbuatan devian masih dilakukan oleh orang

perseorangan.

Juga didapati dari penulisan Cohen, Cloward dan Ohlin, Matza, Morris dan Mays bahawa orang-orang dewasa lebih mudah melakukan perbuatan devian sekiranya menerima sokongan dari kelompok sosial atau 'peer-group'. Pandangan bahawa kelompok mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembinaan tingkah laku devian memang telah lama wujud dalam kriminologi. Satu perkara yang harus dipertimbangkan dalam isu sokongan sosial adalah bahawa teori Sutherland merupakan batu asas dalam pembinaannya. (Box 1971 : 219) Walau pun begitu teori Sutherland telah disalah tafsirkan hingga menyebabkan kekeliruan antara sokongan sosial dan sokongan simbolik.

Bagi Edwin Sutherland dalam teorinya 'differential association' pernah menyatakan bahawa kelakuan jenayah berlaku melalui interaksi semasa proses komunikasi tetapi pembelajaran dari proses tersebut sebenarnya berlaku dalam kumpulan yang intim atau personal. Menurutnya,

"Criminal behaviour is learned in interaction with other persons in a process of

communication. The principal part of the learning of criminal behaviour occurs within intimate personal groups. (Mays 1967 : 86)

Di sini maknanya adalah bahawa seseorang menjadi penjenayah atau melakukan perbuatan devian bila adanya definisi-definisi¹ yang menggalakkan kepatuhan terhadap ketidakakururan. Bila ada banyak galakan diberi terhadap perlanggaran maka seseorang itu akan menjadi devian.

'Differential association' ini tidak semestinya berlaku dalam kumpulan intim sahaja kerana ia juga boleh berlaku kerana pengaruh media-media sebaran am dan elektronik. Juga pernah dikatakan 'differential association' amat berkesan jika seseorang itu menghadapi masalah. Pengkaji akan bincangkan sama ada keluarga bertindak memainkan peranan terhadap sesuatu perbuatan devian itu.

Sekarang kita lihat pula kepada sokongan simbolik. Kelompok atau geng selain dari memberi sokongan sosial juga boleh merupakan saluran utama bagi sokongan simbolik. Sesuatu perbuatan devian itu mungkin disusuli suatu alasan sebagai sebab penyelewengan. Alasan ini mungkin datang

dalam dua bentuk iaitu :-

- 1) Teknik neutralisasi (Matza 1964: 60-61)
- 2) Nilai-nilai tidak konvensional dalam teori kawalan iaitu jika individu mempunyai ikatan sosial, mereka tidak akan meneutralkan perbuatan mereka. Sebaliknya, tanpa ikatan moral maka tidak perlulah untuk meneutralkan perbuatan mereka.

Sama ada sokongan sosial dan simbolik diberi atau tidak bergantung kepada definisi yang diberi kepada sesuatu situasi itu.

Ada juga kemungkinan bahawa sokongan sosial dan simbolik tidak wujud serentak dan ini boleh dilihat dari pendapat yang diberi mengenai orang-orang dari kelas pertengahan seperti kata D. Cressey :-

"...financial trust violators relies heavily on the possibility that potential offenders can glean from verbalizations resident within the general culture milieu a formulation which will justify their conduct, eventhough there is no concrete human association from which they could obtain support." (Box 1971:156)

Oleh itu, kebanyakan daripada perbuatan devian atau kriminal terutamanya oleh orang-orang dewasa adalah berlaku hanya bila adanya kedua-dua sokongan sosial dan simbolik. Contoh yang

diberi oleh Box adalah penghisap marijuana.

"...the fusion of social and symbolic support facilitates more deviant behaviour, because the first implies muted societal reaction against the offender, at least on an informal level, the offender neutralizes or meet head-on whatever societal reaction takes place on a formal level". (Box 1971:157)

Menurut Harwin L. Voss daripada kajiannya di Honolulu, Hawaii bahawa hanya 4 dari 10 orang sahaja yang sanggup menyeleweng. Dalam kumpulan yang dikajinya itu hanya 2 dari 10 orang yang benar-benar pernah melakukan penyelewengan. Dari sini beliau berpendapat bahawa

"...factor which appeared to be constraining many who were willing to deviate from actually doing so seemed to be absence of delinquent associates". (italics added) (Voss 1969:381-391)

Oleh itu kesimpulannya adalah bahawa tendensi individu untuk menyeleweng adalah tinggi sekiranya mereka mempunyai rakan-rakan yang juga suka menyeleweng. Probabiliti penyelewangan akan menjadi lebih tinggi sekiranya individu yang mempunyai kesanggupan itu didorong pula dengan sokongan-sokongan sosial dan simbolik.

Dalam bukunya, 'Deviance and Identity'

J. Lofland (1969) telah mengemukakan isu-isu 'facilitating hardware' dan 'facilitating others'.

'Facilitating hardware' yang dikemukakan oleh Lofland adalah berkait dengan isu 'supply'(bekalan) yang disarankan oleh Box (1971). 'Facilitating hardware' adalah peralatan yang digunakan dalam atau semasa melakukan perbuatan devian. Peralatan ini, secara langsung atau tidak membantu dalam perbuatan tersebut. Bagi Lofland, perbuatan devian yang tidak memerlukan peralatan adalah 'highly facilitated'(Lofland 1969 : 69). Dalam kajian ini pengkaji akan cuba menggabungkan kedua-dua isu 'facilitating hardware' dan 'supply' untuk menentukan sama ada dengan hadirnya kedua-dua isu ini, perbuatan devian akan dilakukan.

Lofland seperti juga Box mengatakan, untuk mengurangkan perbuatan devian maka haruslah juga dikurangkan alat-alat seperti pisau, kereta, dadah (ubat), peralatan perubatan dan sebagainya. Selain daripada itu, beliau juga mengatakan kemungkinan bahawa kita perlu mengawal pelaku dan bukan peralatan untuk mengurangkan devian.

Satu lagi isu yang dibincangkan oleh Lofland adalah 'Facilitating others'. Isu ini adalah sama dengan isu sokongan sosial dan simbolik. Menurut Lofland,

" Others and their facilitative significance, let us first examine some ways in which their everyday routine can render a deviant act the most proximate and immediately feasible responses." (Lofland 1969:72)

Kebanyakan daripada perbuatan devian dipermudahkan oleh kerana kesanggupan pelaku dan bantuan orang lain (others). Seorang pelaku yang terlibat dengan 'others' dalam satu perbuatan devian akan hanya menunggu masa sahaja untuk melakukan penyelewengan tanpa apa-apa halangan. Satu lagi perkara mengenai isu ini atau sokongan simbolik adalah :-

"...actor is deserving of being with these Others, that he can in some sense be counted on, that he can be trusted not to inform to authority and, perhaps, even that he is pleasant and likeable or at least tolerable company.(Lofland 1969: 75) atau

"Actor might also be fortunate enough to have friends who points out to him possibilities for a deviant act and actively encourage him to commit it." (Lofland 1969:75)

Pengkaji telah membincangkan kesemua 5 isu yang telah dikemukakan oleh Box berkaitan

dengan perbuatan devian dan juga 2 isu yang diberikan oleh Lofland. Jika kesemua isu-isu ini adalah diterima maka perbuatan devian akan dilakukan. Ini tidak bermakna bahawa kesemua isu itu mesti timbul bagi berlakunya penyelewengan. Sesuatu perbuatan devian boleh timbul kerana salah satu atau kombinasi mana-mana isu di atas.

Sebagai kesimpulan, data akan dianalisa mengikut isu-isu di atas dan konklusi akan dibuat dari situ.

1. Becker, H. S.: *Outsiders*. Free Press, New York, 1963.
2. Becker, H. S.: *Underclass and Underborhood*. Sage Books, 1966.
3. Becker, H. S.: *Understanding Deviance*. Clarendon Press, Oxford, 1963.
4. Billy, J. R.; Cullen, F. T. & Bell R. A.: *Criminological Theory*. Sage Pubn., California, 1969.
5. Lofland, J.: *Revisions and Identity*. New Jersey: Prentice Hall, 1958.
6. May, J. Barton.: *Crime and the Social Structure*. Faber & Faber, University of Liverpool, 1969.

NOTAKAKI

- [1] Bukan merujuk kepada maksud ayat tetapi lebih merujuk kepada mutu pergaulan yang berlaku dalam kumpulan-kumpulan yang melakukan perbuatan devian.

RUJUKAN BAGI BAB 2

1. Akers, R.L.: Deviant Behavior, Wadsworth Pubs.: California (1973)
2. Box, S : terjemahan Cheu Hock Tong, Devians, realiti dan masyarakat, K.L. : DBP(1971).
3. Downes, D & Rock, P : Understanding Deviance, Clarendon Press : Oxford (1982)
4. Lilly, J.R.; Cullen, F.T. & Ball R.A.: Criminological Theory, Sage Pubs. : California (1989)
5. Lofland, J. Deviance and Identity, New Jersey : Prentice Hall. (1969)
6. Mays, J. Barron : Crime and the Social Structure, Faber & Faber : University of Liverpool.(1969)

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

BAB 3

JANTINA DAN SOKONGAN

3.1 Pengenalan

Dalam 3 bab berikut , pengkaji akan melihat kaitan isu-isu bekalan, sokongan sosial dan sokongan simbolik dengan 3 variabel iaitu jantina, ras dan umur.

Bab ini meneliti hubungan antara jantina dan bekalan, sokongan sosial dan simbolik. Untuk melihat hubungan tersebut pengkaji akan menggunakan data, analisa dan jadual.

3.2 Tindakan Jantina Terhadap Jenayah.

Data yang dikumpulkan adalah untuk melihat tindakan responden terhadap jenayah. 67 responden lelaki dan 33 responden perempuan telah ditemuramah untuk mengetahui tindakan mereka terhadap 8 jenis jenayah dan keputusannya adalah seperti di bawah:-

Jadual 3.1: Hubungan antara jantina dan tindakan mangsa
6 jenis jenayah.

Tindakan	Pernah & Lapor		Pernah & Tdk. Lapor		Tidak Pernah			J
	L	P	L	P	L	P		
Curi	1.33	1.00	0.67	0.50	9.18	4.01	16.69	
Tipu	0.33	5.18	1.34	0.17	9.52	0.17	16.71	
Peras Ugut	-	-	0.33	-	10.85	5.51	16.69	
Pukul	-	-	10.68	5.01	0.50	0.50	16.69	
Kesalahan Jantina	-	-	0.17	0.17	11.02	5.34	16.70	
Dimain oleh L/P	-	-	10.85	5.01	0.33	0.33	16.52	
Jumlah	1.66	6.18	24.04	10.86	41.40	15.86	100.00	

Secara umum jadual menunjukkan lebih ramai responden lelaki terlibat dalam jenayah iaitu 25.7 % berbanding dengan hanya 17.04 % responden perempuan. Dari jumlah tersebut didapati lebih ramai perempuan melapor daripada lelaki. Begitu juga kurang perempuan tidak melapor daripada lelaki. Dari jadual juga didapati hanya jenayah curi dan tipu yang melibatkan kedua-dua

jantina bagi melapor dan tidak melapor. Bagi perbuatan curi didapati lebih ramai lelaki melapor. Walau pun begitu ramai juga lelaki yang tidak melapor perbuatan tersebut. Bagi perbuatan tipu pula lebih ramai perempuan melapor iaitu 5.18 % berbanding dengan hanya 0.33 % lelaki. Bagi peras ugut didapati hanya lelaki sahaja terlibat. Kesalahan memukul serta dipermainkan oleh lelaki dan perempuan diketahui lelaki mencatatkan peratus yang tinggi bagi tidak melapor iaitu 10.68 % dan 10.85 % masing-masing.

Secara ringkasnya, boleh dikatakan responden lelakilah yang paling ramai tidak melapor. Ini menyebabkan mereka menjadi lebih 'permissive' daripada perempuan. Perempuan kurang melaporkan kesalahan jantina kerana biasanya melibatkan mereka dan mereka malu untuk melapor.

Untuk meneliti keputusan jadual di atas kita akan melihat sesuatu jadual itu secara khusus. Pengkaji akan memilih 2 contoh iaitu perbuatan curi dan kesalahan jantina. Jadual 3.2 akan menunjukkan sedikit perbezaan dari jadual 3.1.

Jadual 3.2 : Hubungan antara jantina dan tindakan mangsa perbuatan curi.

Tindakan	Pernah & lapor	Pernah & tdk. lapor	Tidak Pernah
Lelaki N = 67	11.9	6.0	82.1
Perempuan N = 33	18.2	9.1	72.7

$$\chi^2 = 1.17, \text{ D.F.} = 2$$

$$\text{Cramer's V} = 0.11$$

Jadual di atas menunjukkan lebih ramai perempuan terlibat dalam kegiatan curi daripada lelaki dan lebih ramai perempuan melapor dibandingkan dengan lelaki. Sekali lagi didapati lelaki lebih 'permissive' daripada perempuan. Walau pun begitu juga didapati lebih ramai juga perempuan tidak melapor. Skor korelasi lebih kurang 0.1 adalah menunjukkan perhubungan lemah dan boleh diabaikan.

Jadual 3.3 : Hubungan antara jantina dan tindakan mangsa kesalahan jantina.

Tindakan	Pernah & Tdk. Lapor	Tidak Pernah
Lelaki N = 67	1.5	98.5
Perempuan N = 33	3.0	97.0

Dari jadual 3.3 lebih ramai perempuan terlibat tetapi lebih ramai juga yang tidak melapor. Ini menunjukkan perempuan lebih 'permissive' tetapi sebenarnya perempuan malu melapor apa yang berlaku kepada mereka. Kita akan lihat kemudian apakah alasan yang diberi oleh responden bagi tidak melapor.

Pengkaji juga telah menemuramah responden mengenai reaksi mereka terhadap jenayah yang mereka saksikan. Seperti juga di atas, pengkaji akan memilih 2 contoh jenayah iaitu perbuatan curi dan kesalahan jantina.

Jadual 3.4 : Hubungan antara jantina dan tindakan saksi perbuatan curi.

Reaksi	Pernah & Lapor	Pernah & Tdk. Lapor	Tidak Pernah
Lelaki N = 67	7.5	3.0	89.5
Perempuan N = 33	6.1	6.1	87.8

$$\chi^2 = 0.6, \quad D.F. = 2$$

$$\text{Cramer's } V = 0.08$$

Didapati dari jadual di atas lebih ramai perempuan menyaksikan perbuatan curi daripada lelaki iaitu 12.2 % berbanding dengan 10.5 %. Namun demikian didapati lebih ramai lelaki melapor dan kurang yang tidak melapor berbanding dengan perempuan. Mereka yang tidak pernah menyaksikan boleh diketepikan kerana tidak relevan bagi kajian ini. Kita lihat kemudian apakah alasan bagi mereka yang tidak melapor.

Skor korelasi 0.08 menunjukkan hubungan yang sangat lemah antara variabel jantina dan

tindakan dan boleh diabaikan. Jika dibandingkan dengan jadual 3.4 dan 3.2 akan didapati bahawa sokongan datang dari kedua-dua jantina tetapi lebih dari jantina perempuan.

Jadual 3.5 : Hubungan antara jantina dan tindakan saksi kesalahan jantina.

Tindakan	Pernah & Lapor	Pernah & Tdk. Lapor	Tidak Pernah
Lelaki N = 67	1.5	1.5	97.0
Perempuan N = 33	3.0	-	97.0

$$\chi^2 = 0.75, \quad D.F. = 2$$

$$\text{Cramer's } V = 0.09$$

Jadual di atas menunjukkan bahawa jumlah yang sama responden lelaki dan perempuan pernah menyaksikan kesalahan jantina. Namun demikian didapati lebih ramai perempuan melapor berbanding dengan lelaki. Kalau dibandingkan jadual 3.3 dengan 3.5 didapati perempuan melapor perbuatan yang mereka saksikan tetapi tidak melapor perbuatan yang mereka sendiri terlibat. Sekali lagi didapati skor korelasi yang rendah maka hubungan juga lemah antara kedua-dua variabel.

3.2.1 Alasan Tidak Melapor.

Kesemua jenayah di atas, sokongan wujud sekiranya tidak melapor dan tiada sokongan sekiranya melapor. "Tidak pernah" pula tidak diambil kira kerana tidak relevan bagi kajian ini. Responden memberikan beberapa alasan bagi tidak melapor seperti yang terdapat dalam jadual.

Jadual 3.6 : Hubungan jantina dengan alasan tidak melapor.

Jantina	Lelaki N = 16	Perempuan N = 9
Alasan		
Tidak melibatkan diri mereka	12.5	-
Tidak mahu terlibat	25.0	11.1
Takut	6.3	11.1
Perkara biasa	37.5	22.2
Penjenayah adalah saudara	6.3	11.1
Lain-lain	12.5	44.4

$$\chi^2 = 4.89, D.F. = 5$$

$$\text{Cramer's } V = 0.44$$

$$\text{Missing Value} = 75$$

Dari jadual diketahui bahawa hanya ada 25 responden tidak melapor. Paling ramai sekali responden memberikan alasan bahawa perbuatan itu adalah perkara biasa (59.7 %) sahaja dan diikuti oleh lain-lain (56.9 %) sebab sebagai alasan.

Responden lelaki mengatakan alasan mereka sebagai perkara biasa (37.5 %) dan tidak mahu melibatkan diri (25.0 %). Responden perempuan pula paling ramai memberikan alasan lain-lain sebab (44.4 %) dan perkara biasa (22.2 %). Responden perempuan didapati mengatasi lelaki bagi 2 alasan iaitu takut dan penjenayah adalah saudara. Responden perempuan takut diapa-apakan sekiranya mereka melapor dan lebih mempercayai seseorang terutamanya jika ia saudara mereka. Responden lelaki memberikan alasan tidak mahu terlibat kerana tidak mahu mendapat susah kelak.

Skor korelasi melebihi 0.44 menunjukkan hubungan yang sederhana antara kedua-dua variabel tersebut dan ia boleh diterima.

3.3 REAKSI JANTINA TERHADAP BARANG-BARANG CURI

Untuk memastikan sama ada atau tidak sokongan terhadap jenayah dan perbuatan devian maka pengkaji telah menemuramah responden mengenai barang-barang curi. Jawapan yang diberikan oleh responden memang telah diramal oleh pengkaji. Kesemua 100 responden menjawab bahawa mereka tidak pernah membeli barang-barang curi.

Oleh kerana responden dari kedua-dua jantina mengatakan mereka tidak pernah membeli barang-barang curi maka tidak ada sokongan sosial dari jantina.

Pengkaji ingin memastikan sama ada jawapan yang diberi oleh responden itu benar atau tidak maka ia bertanya kepada responden sama ada mereka pernah membeli barang-barang yang dijual murah dan disyaki dicuri.

Jadual 3.7 : Hubungan antara jantina dan reaksi terhadap membeli barang-barang curi.

Reaksi	Tidak
Lelaki (N=67)	100.0
Perempuan (N=33)	100.0

Jadual 3.8 : Hubungan antara jantina dan reaksi terhadap
7 jenis barang yang disyaki dicuri.

Reaksi	Tidak	Tidak	Tahu
Lelaki N = 67	98.5		1.5
Perempuan N = 33	97.0		3.0

$$\chi^2 = 0.27, \text{ D.F.} = 1$$

$$\Phi = 0.05$$

Dalam jadual 3.8, 7 barang yang dimaksudkan adalah alat dapur, alat elektrik, kamera, basikal, kasut, barang kemas dan pakaian. Kesemua 100 responden memberikan jawapan seperti dalam jadual 3.8 bagi setiap barang tersebut. Di sini ada sedikit perbezaan jika dibandingkan dengan jadual 3.7 kerana 1.5 % lelaki dan 3.0 % perempuan mengatakan mereka tidak pasti atau tahu sama ada mereka pernah membeli barang-barang curi. Di sini ada kemungkinan diberi sokongan simbolik tanpa pengetahuan responden. Walau pun begitu responden perempuan memberi lebih sokongan.

3.4 TINDAKAN JANTINA TERHADAP TEMPAT PERBUATAN JENAYAH

Jadual 3.9 : Hubungan antara jantina, jenayah dan tindakan.(dalam bilangan)

		Sarang Penagih Dadah	Rumah Urut	Rumah Pelacuran	Social Escort	Rumah Diaman Pelacur
J						
Lapor Pada Polis	L	61	46	52	43	44
	P	32	17	22	14	16
Peti- syen	L	-	12	9	14	7
	P	-	6	6	8	3
Meng- usir	L	3	-	-	1	1
	P	-	2	1	-	1
Berd- iam diri	L	2	6	3	7	10
	P	-	4	3	8	8
Pind- ah ke tpt. lain	L	1	3	3	2	5
	P	1	4	1	3	5
Jumlah		100	100	100	100	100
			L = 67			
				P = 33		

Dengan melihat jadual 3.9, kita boleh membahagikannya kepada 2 iaitu 'non-permissive' dan 'permissive'. 'Non-permissive' terdiri dari mereka yang melapor, membuat petisyen dan mengusir manakala 'permissive' adalah mereka yang berdiam diri atau berpindah. Didapati lebih ramai responden tidak memberi sokongan berbanding dengan yang memberi sokongan. Bagi yang 'non-permissive' lebih ramai yang mahu lapor dan diikuti dengan membuat petisyen serta mengusir. Bagi yang 'permissive' lebih ramai yang mahu mendiamkan diri sahaja dari berpindah.

Responden lelakilah yang paling banyak melapor bagi tiap-tiap tempat jenayah dan diikuti oleh responden perempuan kecuali bagi sarang penagih dadah di mana 97.0 % perempuan mahu melapor. Petisyen dan mengusir pula kebanyakannya dibuat oleh responden perempuan.

Lebih ramai perempuan yang 'permissive' terutama dalam berpindah (42.4 %) dan mendiamkan diri (69.6 %). Lelaki juga 'permissive' tetapi kurang dari perempuan iaitu 42.4 % untuk berdiam diri dan 21.0 % untuk berpindah.

Bagi tempat jenayah pula yang paling kurang sokongan adalah sarang penagih dadah, rumah pelacuran dan rumah urut. Sarang penagih dadah berhampiran dengan rumah tidak disukai kerana penagih suka mencuri dan membuat kacau. Paling tinggi sokongan adalah bagi tempat kediaman pelacur iaitu 69.8 %. Menurut responden mereka tidak kisah asalkan kegiatan pelacuran tidak dijalankan.

3.5 REAKSI JANTINA TERHADAP JENAYAH

Jadual 3.10 : Hubungan antara jantina, jenayah dan reaksi. (dalam bilangan)

	Haramkan		Kawal dgn. memberi lesen		Benarkan tp. tidak di- galakkan		Galak- kan	
	L	P	L	P	L	P	L	P
Pelacur	55	29	9	2	2	1	1	-
Social Escort	37	13	17	9	10	7	2	3
Rumah Urut	41	13	18	13	5	6	3	1
Penagih Dadah	64	30	2	1	-	1	1	1
Pergaulan Bebas	32	11	2	1	-	1	1	1
Berjudi	48	20	10	8	7	4	1	-
Minum Arak	37	12	23	18	6	2	1	1
Pecah Amanah	58	31	3	-	4	1	1	-
Bercerai	21	8	2	2	41	22	3	-
Poligami	32	19	3	1	26	10	6	1
	L = 67		P = 33					

Jadual 3.10 boleh juga dibahagikan kepada 3 iaitu 'non-permissive' jika mahu diharamkan. Kawal dengan memberi lesen dan benarkan tapi tidak digalakkan adalah 'permissive' dan 'very permissive' adalah galakan.

Sejumlah besar responden mahu semua jenayah diharamkan. Paling kurang responden mahu jenayah digalakkan. Dari jadual di atas didapati ramai lelaki mahu semua jenayah diharamkan kecuali pecah amanah (96.9 %), dan poligami (61.3 %) di mana lebih ramai perempuan mahu ia diharamkan. Bagi 'very permissive' pula didapati lelaki lebih menyokong dari perempuan iaitu 37.5 % berbanding dengan 28.1 % perempuan. Jenayah yang responden sangat menggalakkan adalah pergaulan bebas muda-mudi, social escort dan poligami.

Unsur 'permissive' pula diberikan kepada jualan arak atau minuman keras dan poligami. Responden perempuan lebih 'permissive' terhadap minuman keras manakala lelaki pula terhadap poligami.

Kalau dilihat dengan lebih jelas, perbuatan jenayah atau devian yang tiada sokongan adalah

penagihan dadah dan diikuti oleh pecah amanah. Perbuatan yang banyak menerima sokongan adalah pergaulan bebas muda-mudi dan social escort. Namun demikian satu perkara yang jelas adalah kurang lelaki mahu mengharamkan poligami dan mereka lebih menggalakkannya daripada perempuan.

3.6 TINDAKAN JANTINA TERHADAP ANAK DAN KAWAN BIASA

3.6.1 Anak Guna Dadah.

Jadual 3.11 : Hubungan antara jantina dan tindakan terhadap anak yang menggunakan dadah.

Tindakan	Pukul	Marah	Nasihat	Mengajar	Putus Hub.
Lelaki N = 67	16.4	13.4	65.7	3.0	1.5
Perempuan N = 33	12.1	6.1	69.7	12.1	-

$$\chi^2 = 4.99, \text{ D.F.} = 4$$

$$\text{Cramer's V} = 0.22$$

Bagi hal ini pengkaji hanya memilih anak dan kawan kerana anak merupakan saudara terdekat dan kawan tidak mempunyai apa-apa tali persaudaraan

dengan responden.

Jadual 3.11 menunjukkan bahawa sekiranya anak mengambil dadah maka kedua-dua jantina tidak menyokong. Didapati lelaki lebih suka mengambil cara drastik seperti memukul dan marah. Manakala responden perempuan pula lebih suka menasihat dan mengajar. Paling ramai responden suka menasihat dan kemudian baru memukul. Walau pun begitu ada sedikit unsur 'permissive' daripada lelaki.

Skor korelasi melebihi 0.2 menunjukkan hubungan yang definit tetapi masih lemah antara jantina dan tindakan terhadap anak.

3.6.2 Kawan Guna Dadah.

Jadual 3.12 : Hubungan antara jantina dan tindakan terhadap kawan biasa yang menggunakan dadah.

Tindakan	Pukul	Marah	Nasihat	Mengajar	Putus Hub.
Lelaki N = 67	1.5	9.0	88.1	-	1.5
Perempuan N = 33	-	9.1	78.8	9.1	3.0

(Dari jadual 3.12)

$$X^2 = 7.07, D.F. = 4$$

$$\text{Cramer's } V = 0.27$$

Hampir semua responden hanya mahu menasihati dan memarahi kawan mereka tetapi peratus yang marah hanya 18.1 %. Sekali lagi didapati ada responden lelaki yang mahu memukul kawan mereka. Walau pun begitu, ada responden yang menyokong tindakan kawan mereka itu sebanyak 4.5 % di mana perempuan lebih 'permissive' iaitu 3.0 %.

Skor korelasi hampir 0.3 menunjukkan hubungan antara 2 variabel adalah definit tetapi lemah.

3.7 KESIMPULAN

Bab ini juga menunjukkan bahawa jantina juga memainkan peranan dalam memberi atau tidak sokongan terhadap jenayah atau perbuatan devian. Juga dapat dilihat tidak wujud sokongan sosial atau simbolik seperti yang ditunjukkan dalam Bab 3.3.

Bagi jenayah-jenayah utama seperti curi, tipu, peras ugut, pukul, kesalahan jantina dan dipermainkan oleh lelaki atau perempuan didapati lebih

ramai responden lelaki yang terlibat dan tidak melapor berbanding dengan perempuan. Jika dilihat dengan lebih spesifik akan didapati bahawa bagi kesalahan seperti curi dan kesalahan jantina perempuan nampak lebih 'permissive' kerana mereka takut untuk melapor.

Berbagai alasan diberi oleh responden kerana tidak melapor jenayah atau perbuatan devian. Lelaki kebanyakannya tidak mahu melibatkan diri atau menganggap sesuatu perbuatan itu sebagai perkara biasa sahaja. Perempuan pula didapati takut untuk melapor atau kerana penjenayah adalah saudara mereka.

Lelaki lebih suka melapor tempat jenayah daripada perempuan dan perempuan lebih suka membuat petisyen dan mengusir sahaja. Tempat jenayah yang paling tidak disukai oleh responden adalah sarang penagih dadah, rumah pelacuran dan rumah urut.

Bagi jenayah dan perbuatan devian tertentu, didapati lelaki lebih menyokong pecah amanah, pelacuran dan poligami. Responden perempuan menyokong perceraian dan pergaulan bebas muda-mudi.

Juga didapati bahawa jika anak

menggunakan dadah, lelaki menggunakan cara yang keras atau drastik manakala perempuan lebih suka menasihati. Kawan yang menggunakan dadah tidak begitu teruk tindakan terhadapnya dari kedua-dua jantina. Dalam hal ini sokongan bukan sahaja bergantung kepada jantina malah juga jenis jenayah.

Menurut bab 2, kira-kiranya, banyak orang ramai mendakwa bahawa devin dan jenayah seluruhnya berlaku kerana "kesukaan" dan "kebiasaan" mereka dengan sebarang teknologi maklumat dan komunikasi. Pada segi yang dianggap di sini boleh ditegaskan, sokongan dari ahlan-kawar atau "peer-group" adalah pelbagai sosial.

Menurut bab 3, kira-kiranya, sokongan kepada jenayah dan devin datang daripada penggunaan teknologi dan jenayah, kumpulan teman atau yang paling "romantik" atau pendorong pembentukan devin. Pengaruh teknologi membawa gairah untuk "membuat" sebuah teknologi sehingga 50 tahun. Sejauh ia belum itu boleh dikatakan berada di bawah pengaruh teknologi.

a) 18 - 30 tahun

b) 31 - 45 tahun

c) 46 - 60 tahun

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

BAB 4

UMUR DAN SOKONGAN

4.1 PENGENALAN

Daripada bab 2, kita ketahui bahawa seseorang individu boleh didorong untuk melakukan perbuatan devian dan jenayah sekiranya beliau gagal untuk 'conform' dan terdapat banyak dorongan terhadap perbuatan devian. Dorongan yang disebutkan di sini boleh berbentuk sokongan dari kawan-kawan atau 'peer-group' iaitu sokongan sosial.

Dalam bab ini kita akan tumpukan kepada aspek umur dan menganalisa dengan menggunakan data dan jadual, kumpulan umur mana yang paling 'permissive' atau mendorong perbuatan devian. Pengkaji telah membahagikan umur kepada 8 kelas iaitu antara 16 hingga 55 tahun. Daripada 8 kelas itu boleh dibahagikan kepada 3 kumpulan utama :-

- a) 16 - 30 tahun
- b) 31 - 45 tahun
- c) 46 - 55 tahun

4.2 TINDAKAN UMUR TERHADAP JENAYAH

Jadual 4.1 : Hubungan umur dengan tindakan mangsa perbuatan curi.

Tindakan	Pernah & Lapor	Pernah & Tdk. Lapor	Tidak pernah
16-20(N = 6)	16.7	-	83.3
21-25(N = 8)	37.5	-	62.5
26-30(N = 22)	9.1	4.5	86.4
31-35(N = 19)	5.3	5.3	89.5
36-40(N = 12)	16.7	8.3	75.0
41-45(N = 7)	42.9	-	57.1
46-50(N = 14)	14.3	21.4	64.3
51-55(N = 22)	-	8.3	91.7

$$X^2 = 18.25, \text{ D.F.} = 14$$

$$\text{Cramer's V} = 0.30$$

Dari skor korelasi di atas diketahui bahawa hubungan di antara umur dan tindakan adalah definit tetapi lemah. Didapati dari jadual bahawa kumpulan umur 31-45 tahun yang paling ramai melapor iaitu 64.9 %. Mereka diikuti pula oleh kumpulan umur 16-30 tahun sebanyak 63.3 %. Responden berumur 41-45 tahun mencatatkan peratusan yang tinggi bagi melapor.

Kumpulan 46-55 tahun paling ramai

tidak melapor iaitu 29.7 % berbanding dengan lain-lain kumpulan umur. Oleh itu boleh dikatakan sokongan datang dari kumpulan umur 46-55 tahun. Kurang sokongan diberi oleh kumpulan umur 31-45 tahun.

Skor korelasi 0.3 menunjukkan korelasi yang definit tetapi lemah kerana wujud perbezaan yang jelas antara kedua-dua variabel.

Jadual 4.2 : Hubungan antara umur dan tindakan saksi perbuatan curi.

Tindakan	Pernah & Lapor	Pernah & Tdk. Lapor	Tidak pernah
16-20(N = 6)	16.7	-	83.3
21-25(N = 8)	-	-	100.0
26-30(N = 22)	18.2	9.1	72.7
31-35(N = 19)	-	-	100.0
36-40(N = 12)	-	-	100.0
41-45(N = 7)	-	-	100.0
46-50(N = 14)	14.3	14.3	71.4
51-55(N = 12)	-	-	100.0

$$X^2 = 19.49, \quad D.F. = 14$$

$$\text{Cramer's } V = 0.31$$

Dari jadual di atas di ketahui bahawa 49.2 % responden melapor. Manakala 23.4 % responden tidak melapor . Bagi yang tidak pernah menyaksikan pula

boleh diabaikan kerana ia tidak relevan bagi kajian ini.

Paling ramai melapor adalah kumpulan umur 16-30 tahun terutamanya responden 26-30 tahun sebanyak 18.2 %. Kumpulan umur 46-50 tahun didapati 14.3 % tidak melapor . Ramai responden didapati tidak pernah menyaksikan maka mereka boleh diabaikan.

Bagi saksi kepada perbuatan curi didapati sokongan datang dari responden berumur 46-50 tahun. Skor korelasi melebihi 0.31 menunjukkan hubungan antara variabel yang definit tetapi lemah. Kita akan lihat kemudian alasan responden bagi tidak melapor.

Jadual 4.3 : Tindakan mangsa kesalahan jantina.

Tindakan	Pernah & Lapor	Pernah & Tdk. Lapor	Tidak pernah.
16-20(N= 6)	-	-	100.0
21-25(N= 8)	-	-	100.0
26-30(N=22)	-	4.5	95.5
31-35(N=19)	-	-	100.0
36-40(N=12)	-	-	100.0
41-45(N= 7)	-	-	100.0
46-50(N=14)	-	7.1	92.9
51-55(N=12)	-	-	100.0

$$X^2 = 3.92, \quad D.F. = 7$$

$$\text{Cramer's } V = 0.20$$

Dua kumpulan umur dikenalpasti sebagai tidak melapor. 11.6 % responden didapati tidak melapor di mana responden berumur 46-50 mencatatkan 7.1 %, dan yang berumur 26-30 tahun mencatatkan 4.5 %. Semua kumpulan umur yang lain mengatakan tidak pernah menjadi mangsa perbuatan curi.

Skor korelasi hampir 0.2 menunjukkan perhubungan yang lemah antara umur dan tindakan maka sukar untuk menentukan wujud atau tidak sokongan kerana terlalu ramai responden tidak pernah menjadi mangsa perbuatan tersebut.

Jadual 4.4 : Tindakan saksi perbuatan kesalahan jantina.

Tindakan	Pernah & Lapor	Pernah & Tdk. Lapor	Tidak pernah
16-20(N= 6)	-	-	100.0
21-25(N= 8)	-	-	100.0
26-30(N=22)	9.1	-	90.9
31-35(N=19)	-	-	100.0
36-40(N=12)	-	-	100.0
41-45(N= 7)	-	-	100.0
46-50(N=14)	-	7.1	92.9
51-55(N=12)	-	-	100.0

$$X^2 = 13.40, D.F. = 14$$

$$\text{Cramer's } V = 0.26$$

Keluhan Akibat Tidak melapor

Sekali lagi didapati bahawa dua kumpulan umur yang terlibat. Walau pun begitu mereka yang berumur 26-30 tahun sanggup melaporkan apa yang mereka saksikan. Kalau sebagai mangsa tadi responden berumur 46-50 tahun tidak mahu melapor, begitu juga sekiranya hanya menyaksikan perbuatan kesalahan jantina.

Skor korelasi hampir 0.3 menunjukkan perhubungan antara kedua-dua variabel yang definit tetapi lemah. Responden berumur 26-30 tahun tidak memberi sokongan kepada perbuatan yang mereka saksikan. Kita akan lihat kemudian alasan bagi tidak melapor.

33.3 60.0 16.7 100.0 -

$\bar{X} = 49.15$, S.E. = 30

Coeff. V = 0.61

Hanya 25 responden sahaja yang tidak melapor dan mereka telah memberikan alasan berpiaya. Mereka memberikan alasan bukan akibat keganasan yang terlibat dalam jalinan di atas.

Pada sebahagian besar responden

4.2.1 Alasan tidak melapor

Jadual 4.5 : Alasan yang diberi bagi tidak melapor.

Umur	16-20 N=3	21-25 N=2	26-30 N=4	31-35 N=6	36-40 N=2	41-45 N=3	46-50 N=3	51-55 N=2
Tidak melibat diri mereka	-	-	-	33.3	-	-	-	-
Tidak mahu terlibat	-	-	-	33.3	-	33.3	33.3	50.0
Takut	66.7	-	-	-	-	-	-	-
Perkara biasa	-	50.0	50.0	16.7	-	66.7	33.3	50.0
Penjena- yah ada- lah sau- saudara	-	50.0	-	-	-	-	33.3	-
Lain	33.3	-	50.0	16.7	100.0	-	-	-

$$\bar{X} = 46.15, D.F. = 35$$

Cramer's V = 0.61

Hanya 25 responden sahaja yang tidak melapor dan mereka telah memberikan alasan baginya. Mereka memberikan 6 sebab atau alasan seperti yang terdapat dalam jadual 4.5 di atas.

Didapati paling ramai responden

mengatakan mereka menganggap sesuatu perbuatan itu sebagai perkara biasa sahaja. Jumlah ini diikuti pula oleh alasan tidak mahu terlibat. Alasan paling kurang mendapat tempat adalah tidak melibatkan diri mereka.

Kalau kita perhatikan umur secara spesifik akan diketahui bahawa kumpulan umur 16-30 tahun memberi alasan takut, perkara biasa, dan penjenayah adalah saudara. Kumpulan umur 31-35 tahun pula memberi tidak mahu terlibat, tidak melibatkan diri mereka dan perkara biasa sebagai alasan. Kumpulan umur 46-55 tahun memberi alasan tidak mahu terlibat, perkara biasa dan penjenayah adalah saudara. Hanya mereka yang berumur 16-20 tahun sahaja yang mengatakan mereka takut. Ini sesuai dengan umur mereka yang masih muda. Penjenayah adalah saudara pula melibatkan mereka yang berumur 21-25 dan 46-50 tahun dengan masing-masing 50.0 % dan 33.3 %. Didapati juga mereka yang berumur 31 ke atas mengatakan mereka takut tetapi tidak mahu menyusahkan diri mereka dengan melapor sesuatu yang tiada kaitan dengan mereka.

Skor korelasi adalah tinggi iaitu 0.6 yang menunjukkan hubungan antara umur dan alasan yang sederhana dan boleh diterima.

4.3 REAKSI UMUR TERHADAP BARANG-BARANG CURI

Jadual 4.6 : Reaksi responden terhadap barang-barang curi

Umur	16-20	21-25	26-30	31-35	36-40	41-45	46-50	51-55
	N= 6	N= 8	N=22	N=19	N=12	N= 7	N=14	N=12
Tidak	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Dari jadual di atas didapati bahawa kesemua 100 responden mengatakan mereka tidak pernah membeli barang-barang curi. Ini menunjukkan bahawa mereka tidak menyokong perbuatan curi. Apakah pula reaksi mereka terhadap 7 jenis barang yang dijual murah dan disyaki dicuri?

Jadual 4.7 : Hubungan umur dengan reaksi terhadap 7 jenis barang yang dijual dengan murah.

Umur	16-20	21-25	26-30	31-35	36-40	41-45	46-50	51-55
	N= 6	N= 8	N=22	N=19	N=12	N= 7	N=14	N=12
Tidak	100.0	87.5	95.5	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Tidak tahu	-	12.5	4.5	-	-	-	-	-

$$X^2 = 6.66, D.F. = 7$$

$$\text{Cramer's } V = 0.26$$

Jadual di atas menunjukkan ada perbezaan dengan jadual 4.6 di mana kesemua responden menjawab tidak pernah membeli barang-barang curi. Bila dibahagikan kepada 7 jenis barang maka 17.0 % responden mula meragui perbuatan mereka dan mengatakan mereka tidak pasti sama ada mereka pernah membeli barang-barang curi. Responden ini adalah dalam kumpulan umur 16-30 tahun. Skor korelasi hampir 0.3 menunjukkan hubungan yang definit tapi masih lemah antara umur dan reaksi terhadap 7 jenis barang tersebut.

4.4 TINDAKAN RESPONDEN TERHADAP TEMPAT PERBUATAN JENAYAH

Jadual 4.8 : Hubungan antara umur dan tindakan terhadap sarang penagih dadah berdekatan rumah.

Tindakan	Lapor pd polis	Mengusir	Berdiam diri	Pindah ke tpt lain
16-20 (N = 6)	100.0	-	-	-
21-25 (N = 8)	100.0	-	-	-
26-30 (N = 22)	100.0	-	-	-
31-35 (N = 19)	100.0	-	-	-
36-40 (N = 12)	91.7	8.3	-	-
41-45 (N = 7)	85.7	-	14.3	-
46-50 (N = 14)	71.4	7.1	7.1	14.3
51-55 (N = 12)	91.7	8.3	-	-

$$X^2 = 26.97, \quad D.F. = 21$$

$$\text{Cramer's } V = 0.30$$

Jadual di atas boleh dibahagi kepada 'non-permissive' dan 'permissive'. Mereka yang melapor dan mengusir adalah 'non-permissive' dan yang berdiam diri serta berpindah adalah 'permissive'. Tiada sokongan langsung dari kumpulan umur 16-30 tahun. Kumpulan umur 31-45 pula wujud sedikit sokongan iaitu 14.3 % mahu berdiam diri. Sokongan paling tinggi datang dari kumpulan umur 46- 55 tahun iaitu 21.4 %.

Sokongan diberi oleh responden berumur 46-50 tahun manakala tiada sokongan langsung daripada umur 16-35 tahun. Skor korelasi sebanyak 0.3 menunjukkan hubungan yang definit tetapi lemah.

Jadual 4.9 : Hubungan antara umur dan pusat social escort berdekatan rumah.

Tindakan	Lapor pd. Polis	Peti- syen	Usir	Berdiam Diri	Berpind- ah
16-20 (N = 6)	16.7	16.7	-	50.0	16.7
21-25 (N = 8)	50.0	25.0	-	12.5	12.5
26-30 (N = 22)	54.5	22.7	4.5	9.1	9.1
31-35 (N = 19)	52.6	31.6	-	15.8	-
36-40 (N = 12)	66.7	16.7	-	16.7	-
41-45 (N = 7)	71.4	-	-	28.6	-
46-50 (N = 14)	57.1	21.4	-	14.3	7.1
51-55 (N = 12)	75.0	25.0	-	-	-

$$X^2 = 23.24, D.F. = 28$$

$$\text{Cramer's } V = 0.24$$

Dalam hal ini walaupun ramai yang mahu melapor tetapi tidak seramai untuk sarang penagih tadi. Di sini didapati lebih ramai yang mahu membuat petisyen dan berdiam diri. Ramai yang hendak membuat petisyen kerana social escort adalah sah di negara kita. Kumpulan umur yang paling 'permissive' adalah 16-30 tahun di mana 71.6 % hendak mendiamkan diri dan 38.3 % mahu berpindah sahaja. Kurang 'permissive' adalah kumpulan umur 46-55 tahun. Skor korelasi 0.2 menunjukkan hubungan yang lemah dan rendah.

4.5 REAKSI RESPONDEN TERHADAP JENAYAH

Jadual 4.10 : Hubungan antara reaksi dan penagihan
dadah.

Reaksi	Haram kan	Kawal dgn. beri lesen	Benarkan tp. tdk.galak	Galak
16-20 (N = 6)	83.3	-	-	16.7
21-25 (N = 8)	87.5	12.5	-	-
26-30 (N = 22)	100.0	-	-	-
31-35 (N = 19)	89.5	5.3	5.3	-
36-40 (N = 12)	83.3	8.3	-	8.3
41-45 (N = 7)	100.0	-	-	-
46-50 (N = 14)	100.0	-	-	-
51-55 (N = 12)	100.0	-	-	-

$$X^2 = 20.97, D.F. = 21$$

$$\text{Cramer's } V = 0.26$$

Di sini kita boleh bahagikan kepada 3 iaitu haramkan sekiranya 'non-permissive', 'very permissive' sekiranya galakkan dan 'permissive' sekiranya kawal dengan memberi lesen atau benarkan tapi tidak digalakkkan.

Didapati responden adalah 'non-permissive' bagi jenayah ini. Walau pun begitu ada 2 kumpulan umur yang 'very permissive' iaitu 16-20 tahun dan 36-40 tahun. Manakala 'permissive' adalah 31.4 % terutamanya antara 21-40 tahun.

Didapati bagi jenayah dadah sokongan datang dari kumpulan umur yang lebih muda. Skor korelasi adalah rendah dan ini menunjukkan hubungan yang lemah.

Jadual 4.11 : Hubungan antara reaksi dan social escort.

Reaksi	Haram kan	Kawal dgn. beri lesen	Benarkan tp. tdk. galak	Galak
16-20 (N = 5)	60.0	20.0	20.0	-
21-25 (N = 8)	50.0	37.5	12.5	-
26-30 (N = 22)	63.6	9.1	22.7	4.5
31-35 (N = 19)	36.8	36.8	15.8	10.5
36-40 (N = 12)	16.7	58.3	16.7	8.3
41-45 (N = 7)	42.9	14.3	28.6	14.3
46-50 (N = 13)	61.5	38.5	-	-
51-55 (N = 12)	75.0	-	25.0	-

(Dari jadual 4.11)

χ^2

$X^2 = 26.74$, D.F. = 21

Cramer's V = 0.30

Missing value = 2

Seperti juga jadual 4.10, jadual ini terbahagi kepada 3 bahagian. Bagi social escort didapati responden adalah 'permissive' di mana lebih ramai mahu ia dikawal dengan lesen dan benarkan tapi tidak digalakkkan. Mereka yang berumur 16-30 tahun ramai yang mahu ia diharamkan. Begitu juga mereka yang berumur 46-55 tahun .

Jika dilihat dengan spesifik galakkan datang dari responden berumur 41-45 tahun (14.3 %) dan tiada galakkan dari yang berumur 51-55 tahun (75.0 %). Skor korelasi 0.3 menunjukkan hubungan yang definit tetapi lemah.

responden walaupun bertemu dengan responden yang berumur 16-30 tahun ramai yang mahu ia diharamkan. Mereka yang berumur 41-45 tahun ramai yang mahu ia diharamkan. Begitu juga mereka yang berumur 46-55 tahun .

4.6 TINDAKAN TERHADAP ANAK DAN KAWAN BIASA

4.6.1 Anak guna dadah

Jadual 4.12 : Hubungan antara umur dan tindakan anak yang gunakan dadah.

Tindakan	Pukul	Marah	Nasihat	Mengajar	Putus hub.
16-20(N = 6)	16.7	-	66.7	16.7	-
21-25(N = 8)	50.0	12.5	12.5	25.0	-
26-30(N = 22)	9.1	4.5	77.3	9.1	-
31-35(N = 19)	21.1	10.5	68.4	-	-
36-40(N = 12)	8.3	8.3	75.0	8.3	-
41-45(N = 7)	14.3	-	85.7	-	-
46-50(N = 14)	7.1	28.6	57.1	-	7.1
51-55(N = 12)	8.3	16.7	75.0	-	-

$$X^2 = 35.82, D.F. = 28$$

$$\text{Cramer's } V = 0.30$$

Jadual terbahagi kepada pukul, marah, nasihat dan ajar yang 'non-permissive' dan putus hubungan yang 'permissive'. Di sini boleh dilihat bahawa responden mahu menasihati anak mereka dan juga memukul, memarahi dan mengajar cara yang betul. Didapati responden kumpulan umur 31-45 paling ramai mahu menasihat. Manakala kumpulan umur 16-30 memilih cara yang lebih

drastik iaitu memukul anak mereka. Hanya responden berumur 46-50 tahun sahaja yang mahu putuskan hubungan.

Kalau diperhatikan dengan teliti akan didapati semua kumpulan umur adalah 'non-permissive' terhadap anak gunakan dadah kecuali umur 46-50 tahun. Skor korelasi 0.3 menunjukkan hubungan yang definit tetapi masih lemah antara umur dan reaksi.

4.6.2 Kawan guna dadah

Jadual 4.13 : Hubungan antara umur dan tindakan terhadap kawan menggunakan dadah.

Tindakan	Pukul	Marah	Nasihat	Mengajar	Putus hub.
16-20(N = 6)	-	16.7	66.7	16.7	-
21-25(N = 8)	-	25.0	62.5	12.5	-
26-30(N = 22)	-	4.5	90.9	4.5	-
31-35(N = 19)	5.3	10.5	78.9	-	5.3
36-40(N = 12)	-	16.7	83.3	-	-
41-45(N = 7)	-	14.3	85.7	-	-
46-50(N = 14)	-	-	92.9	-	7.1
51-55(N = 12)	-	-	100.0	-	-

$$\chi^2 = 24.56, \text{ D.F.} = 28$$

$$\text{Cramer's } V = 0.25$$

Pukul, marah, nasihat dan ajar adalah

'non-permissive' dan putuskan hubungan adalah 'permissive'. Paling ramai responden mahu menasihati kawan mereka dari menagih dadah dan kumpulan umur 46-55 tahun mencatatkan peratusan tertinggi. Ini diikuti pula oleh memarahi kawan terutama kumpulan 16-30 tahun iaitu 46.2 % dan juga mengajar cara yang betul sebanyak 33.7 %. Memukul pula hanya 5.3 % sahaja. Putuskan hubungan pula adalah 12.4 %.

Tiada sokongan diberikan bagi kawan sebagai penagih dadah kecuali mereka yang berumur 31-35 dan 46-50 tahun. Skor korelasi hampir 0.3 menunjukkan hubungan yang definit tapi lemah.

Jika dibandingkan jadual 4.11 dan 4.12 didapati sokongan diberi kepada kawan mengguna dadah tetapi sangat kurang diberi kepada anak.

4.7 KESIMPULAN

Seperti juga bab sebelum ini, didapati kurang sokongan diberi kepada jenayah atau perbuatan devian. Sokongan tertakluk kepada jenis jenayah dan juga umur. Paling 'permissive' bagi umur

adalah kumpulan umur 46-50 tahun terutama bagi perbuatan jenayah seperti mencuri, kesalahan jantina dan tempat jenayah seperti sarang penagih dadah. Ini dipastikan apabila kumpulan umur 46-55 tahun mencatatkan 29.7 % bagi tidak melapor perbuatan curi. Begitu juga mereka tidak melapor kesalahan jantina iaitu sebanyak 7.1 %. Kumpulan umur ini juga didapati mahu memutuskan hubungan dengan anak atau kawan yang menggunakan dadah.

Kumpulan umur 31-45 tahun adalah sederhana sahaja sokongan mereka iaitu didapati mereka tidak pernah terlibat dalam perbuatan curi maupun kesalahan jantina. Kumpulan umur ini lebih menggalakkan social escort kerana ia sah di sisi undang-undang.

Mereka yang berumur 16-30 tahun juga 'permissive' terhadap perbuatan yang 'legal' seperti social escort. Walau pun begitu sokongan 'peer-group' wujud bagi mereka yang berumur 16-20 tahun di mana 16.7 % mahu penagihan dadah digalakkan.

BAB 5

RAS DAN SOKONGAN

5.1 PENGENALAN

Sepertimana bab 3 dan 4, bab ini melihat pula hubungan antara ras dan sokongan sosial, simbolik dan bekalan. Ras di sini merujuk kepada 3 etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India. Pengkaji akan menggunakan data, jadual dan analisa dalam melihat sama ada wujud atau tidak sokongan dari mana-mana 3 ras tersebut.

5.2 TINDAKAN RAS TERHADAP JENAYAH

Data dalam jadual 5.1 adalah merupakan tindakan yang diambil oleh responden terhadap 6 jenis jenayah. Daripada 100 responden, 43 adalah orang Cina, 32 orang Melayu dan 25 orang India.

Jadual 5.1 : Hubungan antara ras dan tindakan mangsa bagi 6 jenayah.

Jenayah		Curi	Tipu	Peras Ugut	Pukul	Kesal. jantina	Dimain- kan L/P
Pernah & lapor	C	1.33	0.5	-	-	-	-
	I	0.83	-	-	-	-	-
	M	0.17	-	-	-	-	-
Pernah & tidak lapor	C	0.67	1.00	0.17	0.50	0.17	0.33
	I	0.17	0.17	-	0.17	-	-
	M	0.33	0.33	0.17	0.33	0.17	0.33
Tidak pernah	C	5.18	5.67	7.01	6.68	7.01	6.68
	I	3.17	4.01	4.17	4.01	4.17	4.17
	M	4.84	5.01	5.18	5.01	5.18	5.01
Jumlah		16.69	16.69	16.70	16.70	16.70	16.52

N = 99

Missing value = 1

Secara umum jadual 5.1 menunjukkan lebih ramai responden berbangsa Cina menjadi mangsa perbuatan jenayah iaitu 4.67 % berbanding dengan 1.83 % responden Melayu dan hanya 1.34 % bagi responden India. Begitu juga, lebih ramai responden Cina melapor berbanding dengan responden Melayu dan India. Responden

berbangsa Cina juga didapati paling ramai pernah menjadi mangsa tetapi tidak melaporkannya iaitu sebanyak 2.84 % berbanding dengan responden Melayu sebanyak 1.66 % dan India 0.51 %.

Dari jadual juga, kita tahu bahawa, hanya jenayah curi sahaja di mana masing-masing responden dari 3 ras itu pernah jadi mangsa dan melaporkannya. Namun demikian 1.33 % responden Cina melaporkan jenayah tersebut berbanding dengan 0.67 % yang tidak melapor. Responden Melayu dan India didapati mencatatkan peratusan yang sama seperti perbuatan curi bagi tidak melapor. Jenayah peras ugut dan kesalahan jantina mencatatkan peratusan yang sama bagi kedua-dua responden Cina dan Melayu yang tidak melapor iaitu 0.17 %. Bagi jenayah pukul, sekali lagi didapati responden Cina mendahului responden lain dengan 0.5 % bagi tidak melapor. Perbuatan dipermainkan oleh lelaki atau perempuan pula , responden Melayu dan Cina masing-masing mencatatkan 0.33 %.

Secara ringkasnya, boleh dikatakan bahawa responden Cinalah yang paling ramai tidak melapor iaitu 2.84 % berbanding dengan 1.83 % yang melapor. Bagi

tiap-tiap jenayah tadi responden Cinalah yang ramai tidak melapor dan paling jelas bagi perbuatan tipu. Bagi responden yang tidak pernah menjadi mangsa tidak perlu dibincangkan kerana tidak relevan bagi kajian ini. Jadi, jelaslah bahawa responden Cinalah yang paling tinggi sokongannya. Kita akan lihat kemudian mengapa begini.

Untuk meneliti keputusan jadual di atas kita perlu melihat pada satu-satu jenayah itu secara khusus. Seperti juga 2 bab yang lepas pengkaji akan memilih 2 contoh jenayah iaitu curi dan kesalahan jantina. Kalau kita perhatikan jadual 5.2, kita akan dapati bahawa ada perbezaan sedikit dengan data dalam jadual 5.1.

Jadual 5.2 : Hubungan antara ras dan tindakan mangsa perbuatan curi.

Tindakan	Pernah & lapor	Pernah & tdk. lapor	Tidak pernah
Cina N = 43	18.6	9.3	72.1
India N = 25	20.0	4.0	76.0
Melayu N = 32	3.1	6.3	90.6

$$\chi^2 = 5.51, D.F. = 4 \\ \text{Cramer's } V = 0.17$$

Secara umumnya, 41.7 % responden pernah jadi mangsa curi dan melaporkannya berbanding dengan 19.6 % responden yang pernah tetapi tidak melaporkannya. Dari jumlah ini pula responden India merupakan paling ramai melapor berbanding dengan Cina dan juga Melayu. Walau pun begitu, responden Cina masih mencatatkan peratus yang lebih tinggi dari responden - responden lain bagi tidak melapor.

Jadi, boleh dikatakan bahawa sokongan kurang dari responden India tapi ada sokongan dari responden Cina. Manakala responden Melayu sederhana sahaja sokongan mereka. Skor korelasi hampir 0.2 menunjukkan perhubungan lemah antara dua variabel tersebut kerana tidak ada perbezaan yang jelas.

Jadual 5.3 : Hubungan antara ras dan tindakan mangsa perbuatan kesalahan jantina.

Tindakan	Pernah & tdk. lapor	Tidak pernah
Cina N = 43	2.3	97.7
India N = 25	-	100.0
Melayu N = 32	3.1	96.9

$$\chi^2 = 0.74, \text{ D.F.} = 2 \\ \text{Cramer's V} = 0.09$$

Dari jadual 5.3 didapati langsung tiada responden yang pernah menjadi mangsa dan melaporkannya. Walau pun begitu, ada responden yang pernah menjadi mangsa tetapi tidak melaporkannya iaitu sebanyak 5.4 %. Dari jumlah ini didapati lebih ramai responden Melayu terlibat berbanding dengan responden Cina dan India. 3.1 % responden Melayu mengatakan mereka tidak melapor dan 2.3 % responden Cina juga berkata sedemikian. Bagi mengetahui mengapa ia sedemikian akan diterangkan kemudian.

Skor korelasi yang lebih kurang 0.1 menunjukkan hubungan yang sangat lemah antara kedua-dua variabel kerana hampir semua responden tidak pernah menjadi mangsa.

Kalau kita bandingkan jadual 5.1, 5.2 dan 5.3 kita akan dapati secara umumnya responden Cina memberikan sokongan kepada semua 6 jenis jenayah manakala secara khusus responden Melayu memberi sokongan kepada perbuatan curi. Responden India pula kurang memberi sokongan terutamanya kepada perbuatan curi.

Pengkaji juga telah menemuramah responden mengenai reaksi mereka terhadap jenayah yang telah mereka saksikan. Bagi kes ini juga pengkaji akan hanya memilih 2 jenis jenayah iaitu perbuatan curi dan kesalahan jantina.

Jadual 5.4 : Hubungan antara ras dan tindakan saksi perbuatan curi.

Tindakan	Pernah & lapor	Pernah & tdk. lapor	Tidak pernah
Cina N = 43	9.3	4.7	86.0
India N = 25	8.0	4.0	88.0
Melayu N = 32	3.1	3.1	93.8

$$\chi^2 = 1.28, D.F. = 4$$

$$\text{Cramer's } V = 0.08$$

Bagi responden yang pernah menyaksikan perbuatan curi didapati 20.4 % melaporkannya berbanding dengan 11.8 % yang tidak pernah melaporkannya. Juga didapati lebih ramai responden Cina melapor apa yang mereka saksikan. Daripada responden India dan Melayu. Selain daripada itu, 9.3 % responden

Cina melapor perbuatan curi berbanding dengan 4.7 % yang tidak melapor. Bagi responden India pula 8.0 % melapor berbanding dengan 4.0 % yang tidak melapor. Responden Melayu mempunyai peratusan yang sama iaitu 3.1 % bagi kedua tindakan tersebut.

Skor korelasi masih rendah di mana hampir 0.1 menunjukkan perhubungan yang sangat lemah antara ras dan tindakan. Di sini kurang sokongan dari mana-mana ras kerana mereka hanya menjadi saksi dan perbuatan tersebut tidak melibatkan diri mereka.

Jika dibandingkan jadual 5.4 dengan jadual 5.2 didapati jauh perbezaannya di mana lebih ramai responden melaporkan sekiranya melibatkan diri sendiri berbanding dengan melibatkan orang lain.

Jadual 5.5 : Hubungan antara ras dan tindakan saksi kesalahan jantina.

Tindakan	Pernah & lapor	Pernah & tdk. lapor	Tidak pernah	
Cina N = 43	2.3	-	97.7	χ^2 $X = 3.29, D.F. = 4$
India N = 25	4.0	-	96.0	Cramer's V = 0.13
Melayu N = 32	-	3.1	96.9	

Didapati bahawa 6.3 % responden pernah menyaksikan dan melapor berbanding dengan 3.1 % yang pernah menyaksikan tetapi tidak melapor. Dari jumlah tersebut responden India paling banyak melapor iaitu 4.0 % dan Cina 2.3 %. 3.1 % responden Melayu tidak melapor berbanding dengan ras lain.

Skor korelasi yang rendah menunjukkan hubungan yang lemah antara kedua-dua variabel tersebut. Bagi hal ini, sokongan hanya datang dari responden Melayu sahaja.

Jika dibandingkan jadual 5.5 dengan 5.3 didapati bahawa lebih ramai responden melapor jika menjadi saksi dibandingkan menjadi mangsa perbuatan tersebut.

5.2.1 Alasan tidak melapor

Bagi semua jenayah di atas didapati sokongan diberi sekiranya tidak melapor, tiada sokongan sekiranya melapor dan 'tidak pernah' tidak diambil kira kerana tidak relevan bagi kajian ini. Seperti yang

dikatakan dahulu apakah yang menyebabkan mangsa atau saksi tidak melapor? Jawapannya adalah seperti di bawah.

Jadual 5.6 : Hubungan antara ras dengan alasan responden bagi tidak melapor.

Ras	Cina N = 17	India N = 3	Melayu N = 5	Spesimen
Tidak melibatkan diri mrk.	-	33.3	20.0	tidak berlibat
Tidak mahu terlibat	23.5	-	20.0	tidak dan takut
Takut	11.8	-	-	paling ramai
Perkara biasa	29.4	33.3	40.0	perkara
Penjenayah adalah saudara	11.8	-	-	paling jarang
lain-lain	23.5	33.3	20.0	tidak dipercayai atau

$\chi^2 = 7.54$, D.F. = 10
Cramer's V = 0.39
Missing value = 75

Dengan meneliti jadual kita dapat hanya terdapat 25 responden sahaja yang tidak melapor

dan memberikan sebab-sebab atau alasan bagi tindakan mereka itu. Kita dapati paling ramai responden menjawab bahawa mereka menganggap sesuatu perbuatan yang mereka alami atau saksikan sebagai perkara biasa sahaja dan tidak perlu dilaporkan. Ini diikuti pula dengan lain-lain sebab sebagai alasan mereka. 53.3 % responden pula mengatakan mereka tidak melapor kerana tidak terlibat dengan mana-mana perbuatan. 43.5 % lagi mengatakan tidak mahu terlibat dan menyusahkan diri sendiri. Responden masing-masing mencatatkan 11.8 % bagi takut dan penjenayah adalah saudara sebagai alasan tidak melapor.

Responden Cina didapati paling ramai tidak melapor kerana menganggap sesuatu perbuatan jenayah itu sebagai perkara biasa. Ini diikuti pula sebanyak 23.5 % yang mengatakan mereka tidak mahu melibatkan diri kerana takut mereka pula dipukul atau dibelasah. Satu perkara yang paling jelas adalah bahawa hanya responden Cina sahaja yang mengatakan mereka takut dan juga bahawa penjenayah adalah saudara mereka berbanding dengan ras yang lain.

Responden India masing-masing mencatatkan 33.3 % bagi alasan utama mereka iaitu tidak

mahu melibatkan diri dan perkara biasa.

Responden Melayulah yang mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu 40.0 % bagi perkara biasa sebagai alasan mereka. Mereka juga mencatatkan 20.0 % bagi masing-masing tidak mahu terlibat dan tidak melibatkan mereka.

Skor korelasi hampir 0.4 menunjukkan hubungan yang definit tetapi lemah kerana adanya perbezaan-perbezaan yang jelas antara ras dengan alasan.

5.3 REAKSI RESPONDEN TERHADAP BARANG-BARANG CURI

Untuk memastikan sama ada wujud sokongan atau tidak terhadap jenayah dan perbuatan devian maka pengkaji menemuramah responden mengenai barang-barang curi. Jawapan yang diberi oleh kesemua responden memang telah diramal oleh pengkaji. Kesemua 100 responden menjawab mereka tidak pernah membeli barang-barang curi.

Jadual 5.7 : Hubungan antara ras dan reaksi responden terhadap membeli barang-barang curi.

Reaksi	Tidak
Cina N=43	100.0
India N=25	100.0
Melayu N=32	100.0

Oleh kerana kesemua responden dari 3 ras tersebut menjawab mereka tidak pernah membeli barang-barang curi maka jelaslah bahawa tidak ada sokongan sosial diberi kepada perbuatan curi.

Pengkaji juga ingin memastikan bahawa jawapan yang diberikan oleh responden itu benar atau tidak. Untuk ini pengkaji telah bertanya pula sama ada responden pernah membeli barang-barang yang dijual dengan murah dan disyaki sebagai barang-barang curi. Jika dibandingkan dengan jadual 5.7 dengan jadual 5.8 di bawah ternyata ada perbezaannya.

Jadual 5.8 : Hubungan antara ras dengan reaksi terhadap barang yang dicuri. 7 jenis barang yang disyaki dicuri.

Reaksi	Tidak	Tidak tahu
Cina N=43	97.7	2.3
India N=25	100.0	-
Melayu N=32	96.9	3.1

$$\chi^2 = 0.74, D.F. = 2$$

$$\text{Cramer's } V = 0.09$$

Dalam jadual 5.8, 7 jenis barang yang dimaksudkan adalah alat dapur, alat letrik, kamera, basikal, kasut, barang kemas dan pakaian. Kesemua 100 responden memberi jawapan yang sama seperti yang terdapat di jadual 5.8 bagi tiap-tiap satu alat tersebut.

Di sini ada sedikit keraguan kerana apabila barang-barang curi ini dibahagikan kepada 7

jenis seperti di atas maka ada 2.3 % responden Cina dan 3.1 % responden Melayu mengatakan mereka tidak tahu sama ada pernah terbeli barang tersebut. Oleh itu mungkin responden, dalam hal ini responden Cina dan Melayu memberi sokongan sosial dan simbolik tanpa disedari seperti menurut mereka apabila membeli barang-barang dijual murah atau lelong.

Dalam kes ini didapati responden Melayu lebih memberi sokongan berbanding dengan Cina dan India. Skor korelasi hampir 0.1 menunjukkan hubungan yang sangat lemah dan boleh diabaikan.

5.4 TINDAKAN RESPONDEN TERHADAP TEMPAT PERBUATAN JENAYAH

Jadual 5.9 : Hubungan antara ras, jenayah dan tindakan
(dalam bilangan)

		Sarang penagih dadah	Rumah Urut	Rumah pelacuran	Social Escort	Rumah diaman pelacur
Lapor pada polis	C	39	25	30	24	24
	I	22	18	21	16	16
	M	32	20	23	17	20
Petisyen	C	-	7	7	8	3
	I	-	3	2	3	2
	M	-	8	6	11	5
Mengusir	C	3	1	-	1	1
	I	-	1	1	-	-
	M	-	-	-	-	1
Berdiam diri	C	1	7	5	9	14
	I	1	2	-	5	3
	M	-	1	1	1	1
Pindah ke tpt. lain	C	-	3	1	1	1
	I	2	1	1	1	4
	M	-	3	2	3	5
Jumlah		100	100	100	100	100

$$C = 43, \quad I = 25, \quad M = 32$$

Dengan melihat jadual 5.9, kita boleh bahagikannya kepada dua iaitu 'non-permissive' dan 'permissive'. 'Non-permissive' terdiri daripada mereka yang mahu melapor, membuat petisyen dan mengusir manakala 'permissive' adalah mereka mendiamkan diri atau berpindah. Oleh itu ramai responden tidak memberi sokongan berbanding dengan yang memberi sokongan. Bagi responden yang 'non-permissive' atau tidak menyokong ramai yang mahu melapor tempat jenayah dan diikuti dengan membuat petisyen dan mengusir. Bagi yang 'permissive' lebih ramai mahu mendiamkan diri manakala yang lain mahu berpindah sahaja.

Responden Indialah yang paling banyak melapor bagi tiap-tiap tempat jenayah itu dan diikuti oleh responden Melayu dan Cina kecuali jenayah dadah di mana kesemua 100.0 % responden Melayu melapor. Petisyen kebanyakannya dibuat oleh responden Melayu dan mengusir lebih dilakukan oleh responden Cina.

Responden Cina paling 'permissive'

3.3 PERKAKI SEKUTU YANG TERDAPAT JENAYAH

(Jumlah %:00 : Sokongan antara responden dan respon)

terutama dalam mendiamkan diri (83.7 %) berbanding dengan responden India (44.0 %) dan Melayu (12.4 %). responden Melayu juga menyokong terutama paling ramai yang mahu berpindah ke tempat lain. (40.7 %)

Bagi tempat jenayah pula yang paling kurang sokongan adalah bagi sarang penagih dadah dan diikuti oleh rumah pelacuran dan rumah urut. Menurut responden, mereka tidak bersetuju dengan sarang penagih dadah kerana takut anak-anak mereka akan terpengaruh dan juga kerana berlaku kejadian curi di kawasan yang didiami oleh penagih dadah. Paling tinggi pula sokongan diberikan kepada rumah kediaman pelacur. Ini menurut responden adalah kerana mereka tidak kisah asalkan kegiatan pelacuran tidak dijalankan.

5.5 REAKSI RESPONDEN TERHADAP JENAYAH

Jadual 5.10 : Hubungan antara ras, jenayah dan reaksi (dalam bilangan)

		Haram-kan	Kawal dgn. beri lesen	Benarkan tp. tdk. galakkan	galak-kan
Pelacur-an	C	34	7	2	-
	I	20	3	1	1
	M	30	1	-	-
Social Escort	C	21	10	10	2
	I	7	12	3	2
	M	22	4	4	1
Rumah urut	C	18	16	6	3
	I	12	7	5	1
	M	22	8	-	-
Dadah	C	41	1	1	-
	I	22	1	-	2
	M	31	1	-	-
Gaul bebas	C	18	2	15	7
	I	6	-	17	1
	M	19	-	13	-
Judi	C	25	9	9	-
	I	15	6	2	1
	M	28	3	-	-
Arak	C	14	20	7	2
	I	14	10	1	-
	M	21	11	-	-
Pecah amanah	C	38	1	4	-
	I	20	1	1	1
	M	31	1	-	-
Cerai	C	11	3	28	1
	I	6	1	15	2
	M	12	-	20	-
Poligami	C	29	3	8	3
	I	14	-	9	1
	M	8	1	19	3

$$C = 43, I = 25, M = 32$$

Jadual 5.10 juga boleh dibahagikan kepada 3 bahagian utama iaitu 'non-permissive' jika haramkan, kawal dengan memberi lesen dan benarkan tapi tidak digalakkan menunjukkan 'permissive' dan galakkan pula adalah 'very permissive'.

Secara keseluruhannya, didapati sejumlah besar responden mengatakan mereka mengkehendaki jenayah-jenayah di atas diharamkan. Sebahagian lagi mahu jenayah tersebut dikawal dengan lesen atau membenarkannya tetapi tidak digalakkan. Paling kurang mahu jenayah digalakkan.

Kalau diteliti dari jadual tadi didapati responden Melayulah mempunyai peratusan paling tinggi mahu mengharamkan semua jenayah berbanding dengan ras yang lain kecuali bagi perbuatan poligami. Bagi poligami 67.4 % responden hendak mengharamkan berbanding dengan 56 % India dan hanya 25 % Melayu. Bagi responden Melayu pendapat mereka terhadap poligami adalah selaras dengan ajaran Islam.

Bagi 'very permissive' atau sokongan, galakkan sejumlah besarnya datang dari responden India bagi perbuatan social escort, penagihan dadah dan

perceraian (44.4 %). Responden Cina pula menyokong menyokong pergaulan bebas muda-mudi (16.3 %), rumah urut (7.0 %), dan poligami (6.9 %). Paling kurang sokongan bagi semua perbuatan datang dari responden Melayu kecuali bagi poligami sebanyak 9.4 %.

Unsur 'permissive' wujud pada responden Cina adalah bagi rumah urut, jualan minuman keras (arak) dan perceraian. Responden India pula 'permissive' terhadap pergaulan bebas, social escort dan berjudi.

Kalau dilihat dengan lebih spesifik didapati bahawa jenayah yang paling tinggi tiada sokongan adalah penagihan dadah dan pecah amanah. Manakala jenayah yang paling banyak menerima sokongan adalah social escort dan poligami. Ini mungkin kerana kedua-dua perbuatan itu bukan salah di sisi undang-undang. Penjelasan di atas meliputi ketiga-tiga ras.

5.6 TINDAKAN RESPONDEN TERHADAP ANAK DAN KAWAN BIASA

5.6.1 Anak guna dadah

Jadual 5.11 : Hubungan antara ras dan tindakan terhadap anak yang menggunakan dadah.

Tindakan	Pukul	Marah	Nasihat	Mengajar	Putus hub.
Cina N=43	11.6	14.0	65.1	9.3	-
India N=25	12.0	12.0	68.0	4.0	4.0
Melayu N=32	21.9	6.3	68.8	3.1	-

$$\chi^2 = 6.93, D.F. = 8$$

$$\text{Cramer's } V = 0.19$$

Bagi keadaan ini, pengkaji memilih anak dan kawan biasa kerana anak merupakan keluarga yang paling dekat responden manakala kawan biasa tidak mempunyai apa-apa tali persaudaraan dengan responden. Oleh itu kita dapat melihat 2 tindakan yang berbeza dari responden.

Jadual 5.11 menunjukkan bahawa sekiranya anak mengambil dadah maka ketiga-tiga ras tidak menyokong perbuatan ini. Pukul, marah, nasihat dan ajar merupakan tindakan 'non-permissive' manakala putuskan hubungan adalah 'permissive'. Didapati responden Melayulah yang paling ramai bertindak memukul atau mendera anak mereka. Selain daripada itu, ras ini juga meliputi peratusan yang tinggi iaitu 68.8 % bagi menasihati anak mereka. Responden Cina lebih gemar menasihati dan mengajar anak berbanding dengan ras yang lain. Responden India pula didapati menunjukkan unsur 'permissive' kerana 4.0 % ingin putuskan hubungan jika anak menghisap dadah.

Skor korelasi adalah kecil menunjukkan hubungan antara ras dan tindakan yang lemah dan boleh diabaikan.

Kemudian diketahui bah bah Lebih mendapat sekitaran sejauhnya anak hadir. Responden juga dan Maruzu adalah 'permissive'. skor korelasi antara responden hubungan yang sama. Oleh itu boleh

5.6.2 Kawan guna dadah

Jadual 5.12 : Hubungan antara ras dan tindakan terhadap kawan biasa yang gunakan dadah.

Tindakan	Pukul	Marah	Nasihat	Mengajar	Putus hub.
Cina N=43	-	9.3	83.7	7.0	-
India N=25	-	8.0	88.0	-	4.0
Melayu	3.1	9.4	84.4	-	3.1

$$\bar{X} = 7.74, \quad D.F. = 8$$

$$\text{Cramer's } V = 0.21$$

Kita dapati bahawa hampir kesemua responden mahu hanya menasihati kawan mereka iaitu 88.0 % responden India, 84.4 % Melayu dan 83.7 % Cina. Peratusan yang paling rendah juga bagi tindakan memukul serta mengajar.

Namun demikian kes ini lebih mendapat sokongan daripada kes terhadap anak tadi. Responden India dan Melayu adalah 'permissive'. Skor korelasi kecil menunjukkan hubungan yang lemah. Oleh itu boleh

dikatakan semua ras lebih 'permissive' terhadap kawan daripada anak.

5.7 KESIMPULAN

Dalam bab ini didapati ras juga memainkan peranan seperti jantina dan umur dalam memberi atau tidak sokongan. Berbeza dengan jantina dan umur didapati ras bergantung kepada jenis jenayah untuk menentukan adanya sokongan atau tidak. Contohnya dalam jadual 5.4 sokongan sosial diberikan oleh responden Cina kepada rumah kediaman pelacur dan social escort manakala responden India pula tidak menyokong rumah urut tetapi menyokong social escort. Responden Melayu pula menyokong poligami manakala responden Cina mahu ia diharamkan.

Jadi boleh dikatakan bahawa sokongan ada daripada tiap-tiap ras tetapi ia tertakluk kepada jenis jenayah dan juga cara hidup mereka.

BAB 6

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini memang boleh dikatakan bahawa wujud sokongan sosial dan simbolik tetapi dalam jumlah yang kecil jika dibandingkan dengan tiada sokongan dan ia tertakluk kepada beberapa faktor.

Adalah penting bagi kajian sekompleks ini diasingkan beberapa faktor sementara menetapkan faktor yang lain untuk mengetahui kerelevan faktor-faktor tersebut. Dalam hal ini faktor-faktor yang ditetapkan adalah jantina, ras dan umur.

Sokongan di sini juga bergantung kepada beberapa aspek lain. Bekalan tidak semestinya memberikan sokongan. Dalam hal ini barang-barang curi adalah bekalan kepada sokongan sosial terhadap perbuatan curi. Dalam bab 3, 4 dan 5 didapati sokongan sosial tidak diberikan kepada perbuatan curi walau pun wujud bekalan. Dalam hal ini didapati responden akur kepada kehendak sosial seperti yang dikatakan oleh Teori Kawalan dan tidak menyokong perbuatan curi. Mungkin wujud juga sokongan simbolik dari responden yang tidak

berapa sedar tentang perbuatan mereka. Alasan ini boleh digunakan oleh individu sebagai teknik neutralisasi untuk melakukan perbuatan devian seperti mencuri. Menurut Cloward dan Ohlin (1960) kadangkala individu tidak pasti mereka menolong perbuatan devian kerana mengikut mereka :-

" In fact, several neurotic and psychotic adolescents are usually estranged from their peers. It sometimes happens that the 'lone' offender is able to maintain a role in a conventional group whose members are totally unaware they have a delinquent in their midst." (Cloward & Ohlin 1960:9-10).

Dari segi jantina pula didapati lelakilah lebih memberi sokongan daripada perempuan. Dari bab 3.1 didapati 6.18 % perempuan melapor berbanding dengan hanya 1.66 % lelaki melapor. Begitu juga 10.86 % sahaja perempuan tidak melapor berbanding dengan 24.04 % lelaki yang tidak melapor.

Responden lelaki didapati lebih 'permissive' terhadap perbuatan curi, pergaulan bebas muda-mudi, social escort dan poligami. Terutamanya, lelaki didapati sangat 'permissive' terhadap poligami. Lagi satu perkara yang mereka sokong adalah anak atau kawan menggunakan dadah.

Responden perempuan pula lebih

'permissive' terhadap kesalahan jantina dan pembelian barang-barang curi. Unsur ini wujud kerana perempuan selalu menjadi mangsa kesalahan jantina dan dituduh sebagai punca perbuatan tersebut lalu mereka malu melaporkannya. Perkara pokok di sini adalah bahawa seperti yang disarankan oleh Hobbes bahawa manusia mempunyai perasaan takut yang menghindar mereka dari melakukan kesalahan.

Bagi aspek umur juga didapati bergantung kepada jenis jenayah. Menurut Cloward dan Ohlin, Cohen, Morris dan Mays bahawa orang-orang dewasa lebih mudah melakukan perbuatan devian sekiranya menerima sokongan dari kelompok sosial atau 'peer-group' (bab 2.3). Pendapat ini didapati benar kerana dari bab 4 kita ketahui bahawa sokongan datang dari mereka yang berumur 46-50 tahun. Perbuatan yang disokong oleh mereka adalah curi, kesalahan jantina serta anak dan kawan menggunakan dadah.

Responden yang berumur 16-30 tahun adalah paling 'non-permissive' di mana kurang sokongan diberi kepada tempat jenayah. Mereka lebih permissive kepada perbuatan yang sah seperti social escort. Box

(1971) pernah mengatakan perbuatan devian atau kriminal terutamanya oleh orang dewasa adalah berlaku hanya bila ada kedua-dua sokongan sosial dan simbolik. Oleh itu di sini kita boleh katakan sokongan sosial dan simbolik yang diberi terutama pada orang dewasa boleh menyebabkan mereka menjadi devian. Perlu diberi perhatian kepada responden 16-25 tahun yang 'permissive' terhadap penggunaan dadah. Keadaan ini memang benar dengan Teori 'Differential Association' E. Sutherland iaitu pembelajaran dari kumpulan yang personal akan menyebabkan individu menyeleweng sekiranya terdapat dorongan dari rakan-rakan yang menyeleweng.

Ras juga memainkan peranan penting sebagai salah satu faktor dalam menentukan adanya sokongan atau tidak. Jika tadi kita lihat lelaki dan orang berumur 45-50 tahun lebih memberikan sokongan , kita lihat pula ras mana yang paling menyokong perbuatan devian. Sekali lagi sokongan tertakluk kepada jenis jenayah. Orang Cina didapati paling 'permissive' bagi semua perbuatan terutamanya curi dan tempat jenayah. Responden Melayu pula menyokong kesalahan jantina dan pembelian barang-barang curi. Responden India walau pun kurang 'permissive' antara ketiga-tiga

ras tetapi menyokong social escort, perceraian serta penagihan dadah anak dan kawan.

Pendapat bahawa kelompok mempunyai pengaruh kuat dalam pembinaan tingkah laku devian memang benar dalam kajian ini kerana banyak perbuatan bergantung kepada sokongan kelompok seperti umur dan ras. Sebenarnya, setiap satu faktor di atas memainkan peranan yang penting dalam menentukan wujud atau tidak sokongan terhadap jenayah atau perbuatan devian. Namun demikian faktor-faktor tersebut mesti didorong oleh faktor-faktor sampingan. Steven Box pernah mengatakan bahawa ada faktor-faktor yang menghindar kesanggupan dari menjadi perbuatan devian. Jika kesanggupan hendak ditukar menjadi perbuatan devian maka perlulah gabungan keadaan-keadaan khusus yang membolehkannya melakukan perbuatan tersebut.

In: David F. Gootz Jr., *Modern Criminal Justice*, Aldine Transaction, Chicago.

Devine, Kenneth J. (1975) *Sociological Consideration of Deviance, Religiosity and Justice in the Community*. M.A. Thesis, The University Of Iowa.

BIBLIOGRAFI

1. Akers, Ronald L.: (1973) Deviant Behavior, Wardsworth Pubs.Co.: California.
2. Bailey, Kenneth D. : (1978) Methods of Social Research, Free Press : New York
3. Black, J & Champion, Dean.: (1976) Methods and Issues in Social Research, Wiley : New York.
4. Clinard, Marshall B.: (1963) Sociology of Deviant Behavior, revised ed. Holt, Rhinehart and Winston : New York.
5. Cohen, Albert K. : (1966) Deviance and Control, Prentice Hall, Englewood : New Jersey.
6. Conklin, John E. : (1975) The Impact of Crime, Macmillan Pubs. Co. Inc. : New York.
7. Cressey, Donald R.: (1970) The Respectable Criminal in James F. Short Jr. Modern Criminal, Aldine Transaction :Chicago.
8. Davis, Nanette J.: (1975) Sociological Construction of Deviance Perspective and Issues in the field, Wm. C. Brown Co. Pub. : Iowa

9. Devian, Realiti dan Masyarakat (terjemahan) Cheu Hock Tong (1987) Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
10. Downes, D & Rock, P : (1982) Understanding Deviance, Clarendon Press : Oxford.
11. Hirschi, T : (1970) Causes of Delinquency, University of California Press : California.
12. Jones, H : (1965) Crimes in a Changing Society, Hazell, Watson and Viney Ltd.: Great Britain.
13. Lemert, Edwin M.: (1972) Human Deviance + Social Problems and social Control, 2nd. ed., Prentice Hall, Englewood: New Jersey.
14. Lilly R.J.; Cullen, P.T. & Ball R.A.: (1989) Criminological Theory, Sage Pub : United States.
15. Lofland, J : (1969) Deviance and Identity, Prentice Hall, Englewood : New Jersey.
16. Matza, D : (1964) Delinquency and Drift, Wiley : New York.
17. Mays, John B.: (1967) Crime & the Social Structure, Faber & Faber Ltd. : University of Liverpool.
18. Merton, Robert K.: (1968) Social Theory and Social Structure, enlarged ed. Free Press : New York.

19. Merton, Robert K., (1969) 'Anomie and Social Structure', In Donald R. Cressey & David A. Wand (Eds), Delinquency, Crime & Social Process, Harper & Row : New York.
20. Morris, T : (1976) Deviance and Control, Hutchinson: London.
21. Sykes, Gresham M.: (1978) Criminology, Harcourt Brace : Jovanich Inc.

Lampiran I

JABATAN ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI. UNIVERSITI MALAYA.

Kajian mengenai "Sokongan" Masyarakat Terhadap Jenayah/
Devians.

Bil. Responden: _____

Bil. 1 - 3

BAHAGIAN A.

- | | | |
|--|--|-------------------------|
| 1. Jantina. | 1. Lelaki
2. Perempuan | Jantina 4 |
| 2. Umur: _____ tahun. | | Umur 5 - 6 |
| 3. Keturunan. | 1. Cina
2. India
3. Melayu
4. Lain-lain _____ | Ras 7 |
| 4. (a) Pekerjaan: _____
(b) Majikan: | 1. Kerajaan
2. Swasta | Job 8
Majikan 9 |
| 5. Perkahwinan | 1. Bujang
2. Berkahwin
3. Janda/Duda/Balu
4. Bertunang | StatusP 10 |
| 6. (a) Pendidikan di sekolah _____ tahun.
(b) Bahasa Pengantar: | | Sch. 11-12
Bahasa 13 |
| | 1. Cina.
2. Tamil.
3. Melayu.
4. Inggeris.
5. Lain-lain. | |
| 7. Kekuatan Berugama: | 1. Sangat Kuat
2. Kuat
3. Sederhana
4. Tidak Kuat
5. Tidak berugama. | Ugama 14 |

BAHAGIAN B.

SOALAN 8 & PERNAHKAH MELAPORKAN

8. Pernahkan tuan/puan menjadi mangsa mana-mana perbuatan berikut? Kalau pernah adakah tuan/puan melaporkan perbuatan itu?

	1. Pernah/ 2. T.Pernah	1. Lapor/ 2. T.Lapor	
Curi/Rompak			Curi 15
Tipu			Tipu 16
Peras Ugut			Ugut 17
Pukul			Pukul 18
Kesalahan Jantina			Sex 19
Dipermainkan oleh lelaki/perempuan			Main 20

9. Pernahkan tuan/puan menyaksikan mana-mana perbuatan berikut dilakukan? Kalau pernah, adakah tuan/puan melaporkannya?

	1. Pernah/ 2. T.Pernah	1. Lapor/ 2. T.Lapor	
Curi/Rompak			SCuri 21
Peras Ugut			SUgut 22
Pukul			SPukul 23
Kesalahan Jantina			SSex 24
Orang merosakkan harta awam			SRosak 25
Orang menggunakan dadah			SDadah 26

10. Bagi soalan 8 & 9, sekiranya tuan/puan tidak melaporkan, mengapa begitu.

11. Pernahkah tuan/puan membeli barang-barang yang tuan/puan syaki telah dicuri.

1. Pernah
2. Tidak

Beli 28

12. Mungkinkah tuan/puan membeli alat-alat berikut yang tuan/puan syaki telah dicuri dan dijual dengan harga yang sangat murah?

	1. Ya	2. Tidak	9. Tak Tahu		
alat-alat dapur				Dapur	29
radio, TV, perakam video				Radio	30
kamera				Kamera	31
basikal				Basikal	32
kasut				Kasut	33
barang kemas				EKemas	34
pakaian				Pakaian	35

13. Sekiranya tuan/puan dapat manfaat mana-mana tempat berikut diadakan berhampiran dengan rumah tuan/puan, apakah tindakan tuan/puan? (Sila pilih tindakan-tindakan berikut).

1. laporkan kepada pihak berkuasa
2. membuat petisyen
3. mengusir mereka keluar
4. berdiam diri
5. berpindah ke tempat lain

Sarang penagih dadah			Sarang	36
Rumah Urut			RURut	37
Rumah Pelacuran			RumahP	38
Pusat Social Escort			SEscort	39
Rumah yang didiami oleh pelacur			Pelacur	40

14. Pada pendapat tuan/puan, apakah langkah yang sesuai bagi perbuatan-perbuatan berikut:

1. haramkan
2. kawal dengan memberi lesen
3. benarkan tetapi tidak digalakkan
4. galakkan

Pelacuran			LPelacur	41
Social Escort			LEscort	42
Rumah Urut			LURut	43
Penagihan dadah			LTagih	44
Pergaulan bebas muda-mudi			Bebas	45
Judi			Judi	46
Jualan minuman keras			MinumK	47
Pecah amanah			CBT	48
Perceraian			Cerai	49
Poligami			Pgami	50

15. Apakah tindakan tuan/puan sekiranya anak, atau adik beradik, atau kawan, atau tunang, atau suami, atau isteri tuan/puan melakukan mana-mana perkara-perkara berikut: (Sila pilih tindakan-tindakan berikut)

1. menukulnya/menderanya
2. memarahinya secara lisan
3. menasihatinya supaya tidak melakukan perbuatan itu
4. mengajarnya cara yang betul untuk melakukan perbuatan itu.
5. Berdiam diri
6. Membebek
7. Putuskan hubungan

	anak	adik	abang/ kakak	tunang	teman lelaki/ p'puan	suami/ isteri	kawa- bias
mencuri mengguna dadah lari dari rumah minum minuman keras berjudi ponteng sekolah pulang lewat malam merokok terlibat dalam kegiatan seks bebas menjadi pelacur							

Mencuri	51	GunaD	52	Lari	53
Minum	54	Berjudi	55	Ponteng	56
Lewat	57	Merokok	58	Seks	59
Lacur	60				

51 mencuri
52 minum
53 lari
54 lewat
55 berjudi
56 lacur
57 merokok
58 seks
59 ponteng

60 gunaD
61 tunang
62 abang
63 kakak
64 teman
65 suami
66 isteri
67 kawabis
68 bias